






BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



M/S 3

AUDIT PENGAWASAN (SV4) & FOCUS VISIT
UITM SHAH ALAM

LAWATAN SAMBIL BELAJAR UNIVERSITI ISLAM
ANTARABANGSA (UIAM) KE JABATAN ARKIB UNIVERSITI
JABATAN ARKIB UNIVERSITI, UTM SHAH ALAM

LIVE HD
M/S 10

**BICARA PERSONALITI PG KOREA BUKAN
SEKADAR K-POP PERPUSTAKAAN TUN DR. ISMAIL,
UITM CAWANGAN JOHOR, KAMPUS PASIR GUDANG**

M/S 7



TAHNIAH

PERPUSTAKAAN
TUN ABDUL RAZAK

Pengaruh Sistem Kualitas Terhadap
Kinerja Organisasi Audit Internal Audit
Pengaruh Sistem EVA dan Fokus Waktu Berkaitan
Komitmen Kepada Kualitas (Komitmen Kualitas)
Sumber: Mulyadi dan Haryati (2012). Case Study: 2012.

Inter-Audi goes for third model
TMAI starts THAI leasing division;
THAI Funnel Resources signs with Universit

第 10 章

**EDU 5.0 LIBRARY INFORMATION LITERACY
PROGRAM PERPUSTAKAAN UiTM CAWANGAN
MELAKA KAMPUS BANDARAYA**

M/S 19

LIVE HD
M/S 60

SEGMENT WACANA ILMU: "BAGAIMANA UNTUK TIDAK
BERJAYA DALAM PHD" PERPUSTAKAAN TENGKU ANIS
UITM CAWANGAN KELANTAN



SIDANG REDAKSI IQRA'

PENASIHAT

Ts. Noor Hidayat bin Adnan

KETUA EDITOR

En. Jamalludin bin Hj. Sulaiman

EDITOR

Pn. Roslah binti Laman

PENOLONG EDITOR

Cik Nor Sabariah binti Mansor

PENYELARAS

Pn. Adlina binti Abdullah

REKABENTUK / GRAFIK

Pn. Noor Azureen binti Abd. Aziz

WARTAWAN / WAKIL CAWANGAN

Shah Alam	: Pn. Adlina Abdullah, En. Mohd Alfararie Mohd Nasir, Pn. Nik Zathihulwani Jamaludin, Tn Hj. Ahmad Faizar Jaafar, Pn. Siti Salwa Abdul Rahman, En. Abdul Razak Abdul Rahman, Puan Norazlin Mohd. Yusof, Pn. Nurul Fariyah Sarmin Panut, Pn. Nor Hafizah Md Hanafiah, Pn. Noredayu Rosli, Pn. Azian Azis
Melaka	: Cik Hazlin Ibrahim Khan, Pn. Siti Haidah Md Aziz & Cik Ilya Nur Fateen Othman
Perlis	: Cik Nor Azrina Kassim
Sabah	: Cik Marlia Yuming
Kedah	: Pn. Noor Azlin Abdullah
Pulau Pinang	: Pn. Rafidah Muhamad Sam, Pn. Nor Azilawati Mohamad Azmi, Pn. Nurhayati Hassan
Kelantan	: En. Muslim Ismail @ Ahmad
Perak	: En. Mohd Azim Ansori, Cik. Nur Dayana Mohd Narwawi
Sarawak	: Pn. Hapsah Suut
Pahang	: Pn. Norfitriah Mat Seman, En. Roshairi Che Razali, En. Mohd Anwar Hassim
Terengganu	: En. Mohd Shahnizam Mat Zain, Pn. Asmahani Abdullah
Johor	: Pn. Siti Rozana Mat Sanat, Pn. Nor Azelea Mohd Azahar
N. Sembilan	: En. Syaiful Hisyam Saleh, En. Mohd Hafiz Kasirun & Pn. Nur Rabita Rouzan
Selangor	: Pn. Nurul Diana Jasni, Pn. Nur Fatihah Muhamad, Pn. Nur Aina Amira Rasidi, Pn. Wan Rohani Wan Chin

PENERBIT

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

KEKERAPAN KELUARAN

12 Keluaran Setiap Tahun
ISSN NO : 2735-1920

Kata Alu-Aluan Ketua Pustakawan

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat illahi dengan izin dan limpah kurniaNya, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dapat menerbitkan e-Bulletin IQRA bagi keluaran bulan **Oktober 2020**. e-Bulletin IQRA ini diterbitkan bagi perpustakaan memuatnaik dan berkongsi maklumat mengenai aktiviti dan program yang telah dianjurkan oleh Perpustakaan UITM di seluruh negara setiap bulan.

Persediaan menyambut kehadiran pelajar baharu dan lama ke perpustakaan pada tahun ini memberi fokus kepada langkah-langkah pencegahan Pandemik Covid-19. Ianya bukan sahaja dari aspek penandaan penjarakan fizikal dan proses sanitasi, malah perpustakaan giat melakukan hebatan langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil oleh semua pihak. Hal ini berikutan berlakunya gelombang ketiga Pandemik Covid-19 yang perlu ditangani sebaik mungkin.

Penglibatan perpustakaan dalam sesi Taklimat Perpustakaan semasa Minggu Destini Siswa secara atas talian, kerana kekangan untuk bersemuka diharapkan dapat memberi manfaat kepada pelajar baharu. Kewujudan pelbagai teknologi moden telah digunakan sebaik mungkin bagi mengekalkan momentum perkhidmatan perpustakaan. Hal ini dapat dilihat dengan pengendalian kelas kemahiran dan program Library Outreach yang turut dijalankan secara atas talian.

Akhir kata, sekalung penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pasukan jawatankuasa sidang editor e-Bulletin IQRA.

Terima Kasih

Wassalam.

**Ts. Noor Hidayat Bin Adnan,
Ketua Pustakawan**



**Ts. NOOR HIDAYAT BIN ADNAN
KETUA PUSTAKAWAN UITM**

TAHNIAH KEPADA KUMPULAN KIK (ERA DAN ICLIQUE)

1 OKTOBER 2020 | SHAH ALAM

BERITA

Disediakan oleh : Nor Sabariah bt Mansor



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

Cawangan Shah Alam

Tahniah diucapkan kepada kumpulan ERA dan ICLIQUE kerana telah memenangi Anugerah Emas dan Anugerah Industri 4.0 di Regional Innovation

Ahli Kumpulan KIK ERA PTAR terdiri daripada :

1. Nurul Farihah Sarmin Panut - Ketua Kumpulan
2. Nordiana Tukijo
3. Ja'amayah Kosnan
4. Kamarunisa Mudhar
5. Silsoh Khairol
6. Dr. Zalifah Awang Zakaria – Fasilitator

Ahli Kumpulan KIK I-CLIQUE PTAR terdiri daripada :

1. Wan Noor Sazidah Wan Fauzi - Ketua Kumpulan
2. Mohd Farid Mohamed Said
3. Erry Ezanie Mazlee
4. Nur Azini Binti Azman
5. Nur Lian Binti Abd Halid
6. Tuan Haji Ahmad Faizar Jaafar – Fasilitator

GROUP NAME	ORGANIZATION
I-CLIQUE	Perpustakaan Tun Abdul Razak, Shah Alam
PTAR	Perpustakaan Tun Abdul Razak, Shah Alam

DIVING PRODUCTIVITY OF THE NATION

https://library.utram.edu.my

Library Utara Library Utara Library Utara Library Utara

AUDIT PENGAWASAN (SV4) DAN FOCUS VISIT

22 - 23 OKTOBER 2020 | SHAH ALAM

Disediakan oleh : Nor Azwani binti Mohamad

STAY CONNECTED
LIBRARY

TAHNIAH

PERPUSTAKAAN
TUN ABDUL RAZAK

Perpustakaan Tun Abdul Razak telah berjaya memperolehi Audit Bersih bagi Audit Pengawasan (SV4) dan Focus Visit daripada Lyod's Register Quality Accreditation (LRQA) yang telah diadakan pada 22-23 Oktober 2020.

Lokasi Audit yang terlibat adalah PTAR Utama, PTAR Undang-Undang, PTAR Puncak Alam dan Jabatan Arkib Universiti. Tahniah kepada semua

Perpustakaan Tun Abdul Razak telah berjaya memperolehi Audit Bersih bagi Audit Pengawasan (SV4) dan Focus Visit daripada Lyod's Register Quality Accreditation (LRQA) yang telah diadakan pada 22-23 Oktober 2020.

Lokasi audit yang terlibat adalah PTAR Utama, PTAR Undang-Undang, PTAR Puncak Alam dan Jabatan Arkib Universiti. Tahniah kepada semua.

Disediakan oleh : Nor Sabariah bt Mansor

LIVE

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Shah Alam

Ibargate

Ibargate

ahliberry

Perpustakaan UiTM

Youtube UiTM Channel
FB Rasmi UiTM Library

BANK ISLAM

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITATI
TEKNOLOGI
MAWARPerpustakaan
Tun Abdul RazakSila imbas QR di
sebelah untuk sertai
Cabutan Istimewa Bank
Islam Malaysia Berhad.

PANEL JEMPUTAN

TUAN ZAMREE
MOHAMEDKetua Perbankan Pengguna, Bank
Islam Malaysia Berhad

UITM di hotku

"LibraryForAll"

MODERATOR

DR AZREEN ROSLAN

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengurusan dan
Perniagaan UiTM*Jam Latihan akan diberikan kepada warga
UITM

Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM telah menganjurkan program bual bicara secara langsung bertajuk "Bicara Industri: Pengurusan Kewangan Islam" bersama panel jemputan YBhg. Tuan Zamree Mohamed, Ketua Perbankan Pengguna, Bank Islam Malaysia Berhad. Program ini telah dikendalikan oleh YBrs. Dr. Azreen Binti Roslan, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM, selaku moderator program Live@PTAR.

Perkongsian topik pada sesi bual bicara kali ini memberi fokus kepada pengurusan kewangan Islam antaranya merangkumi perbezaan pengurusan kewangan Islam dan konvensional begitu juga saranan kepada golongan muda dalam membuat perancangan kewangan.

"Cara terbaik pengurusan kewangan muda ialah dengan menyimpan minimum 10% atau lebih bergantung kepada pendapatan yang diperoleh, selain merangka bajet dan memantau perbelanjaan". Kata beliau yang berbesar hati berkongsi pelbagai bentuk pengurusan kewangan bagi golongan orang muda yang baru memulakan pekerjaan.

Menjawab soalan YBrs. Dr. Azreen Binti Roslan, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM selaku moderator mengenal wasiat, beliau menekankan pelbagai manfaat pengambilan wasiat diantaranya akan mempercepatkan urusan pengurusan harta serta mampu mengurangkan pertikalan antara ahli keluarga yang terlibat.

Program bicara Industri ini melibatkan peserta daripada warga UiTM dan orang awam, serta dimeriahkan lagi dengan aktiviti cabutan bertuah tajaan Bank Islam.



LIVE@PTAR: EXPERT TALK ON LIBRARY AND INFORMATION SCIENCE

27 OKTOBER 2020 | SHAH ALAM

اقرأ

Disediakan oleh : Nor Sabariah bt Mansor



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Shah Alam

LIVE



Ubergate

Ubergate

shahlibrary

Perpustakaan

LIVE@PTAR

EXPERT TALK ON LIBRARY AND INFORMATION SCIENCE

OCTOBER 27
9:30 AM

*Training hours will be given to UiTM STAFF

LIVE STREAM

Youtube UITM Channel
FB Razmi UiTM Library

Youtuber
Profesor Ts. Dr. Sohaimi Zakaria,
Dekan Fakulti Pengurusan Maklumat,
Universiti Teknologi MARA

Moderator
Dr Hjh. Zahidah Jusoff,
Deputy Chief Librarian,
Perpustakaan Tun Abdul Razak,
Universiti Teknologi MARA

Youtuber
Dr Diljit Singh,
Professor of Computer Science and
Information Technology,
Universiti Malaya

UITM Library

Perpustakaan Tun Abd Razak (PTAR), UiTM Shah Alam telah menganjurkan program bual bicara secara langsung Live@PTAR: EXPERT TALK on Library and Information Science, Research and Continuing Professional Development : Role of Library and Information Practitioners. Program ini telah dikenalkan oleh Dr. Hajah Zalifah Binti Awang Zakaria, Timbalan Ketua Pustakawan, UiTM selaku moderator dan panel jemputan, Profesor Ts. Dr. Sohaimi Zakaria, Dekan Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM dan Dr. Diljit Singh, Mantan Profesor Madya, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya.

Antara perkara yang dibincangkan oleh panel jemputan, Profesor Ts. Dr. Sohaimi Zakaria ialah peranan perpustakaan dalam kehidupan masyarakat dengan menyediakan dan menyampaikan maklumat terkini, begitu juga tugas Pustakawan dalam menyokong fungsi pengajaran dan pembelajaran. Beliau juga turut berbesar hati berkongsi pendapat mengenai kepentingan Pustakawan menjalankan program attachment di beberapa perpustakaan yang berbeza bagi membuka minda dan berkongsi budaya antara satu sama lain. Di samping itu, Pustakawan boleh menyertai kursus-kursus yang memberi fokus kepada sesuatu bidang untuk menambah ilmu pengetahuan.

Terdapat beberapa langkah yang boleh diambil oleh Pustakawan dalam melibatkan diri dengan Continuing Professional Development (CPD) seperti yang dikongsi oleh panel jemputan, Dr. Diljit Singh. Antaranya ialah self-directed learning, di mana Pustakawan boleh menggunakan sendiri bahan-bahan atas talian seperti online database. Pustakawan juga boleh melibatkan diri dengan program tempatan dan antarabangsa untuk berkongsi pandangan serta mendapatkan maklumat terkini dan isu semasa. Beliau juga berpendapat bahawa CPD perlu digalakkan sebelum diwajibkan kerana terdapat beberapa cabaran yang perlu diperhalusi oleh pelbagai pihak.

Kesimpulannya, kewujudan pelbagai maklumat di pelbagai media massa pada masa kini sedikit sebanyak menyumbang kepada berita-berita yang tidak tepat. Secara tidak langsung, ianya menjadi cabaran kepada perpustakaan sebagai pusat penyediaan sumber maklumat yang sahih dan diperayal oleh masyarakat.

Program ini telah mendapat tontonan sebanyak 3,163 di sosial media rasmi UiTM dan Perpustakaan Tun Abdul Razak.

Siaran ulangan :

YouTube UITM Official Channels: <https://www.youtube.com/watch?v=7h1sqzxety0>

Library Official Facebook : <https://www.facebook.com/409911212624/posts/10159198772702625/>

LAWATAN PENGURUSAN UITM CAWANGAN JOHOR KE JABATAN ARKIB UNIVERSITI 6 OKTOBER 2020

اقرأ

BERITA UTAMA

Disediakan oleh : Abdul Razak bin Abdul Rahman

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Shah Alam

      [Bergantung](#) [Bergantung](#) [Bergantung](#) [Perpusdataan UiTM](#)



Pada 6 Oktober 2020, JAU menerima kunjungan lima (5) orang pelawat dari pengurusan tertinggi dan pengurusan PTDI UiTM Cawangan Johor iaitu YBhg. Prof. Dr. Ismail Ahmad (Rektor UiTM Cawangan Johor), Encik Mior Hishamuddin bin Ariffin (Timbalan Pendaftar Kanan), Encik Ahmad Shahrizan bin Mohamad Esman (Timbalan Pengarah Fasiliti & ICT), Puan Nor Asihah binti Alias (Timbalan Ketua Pustakawan) dan Puan Siti Rozana binti Mat Sanat (Pustakawan Kanan). Lawatan ini dibuat bagi mendapatkan panduan dan khidmat nasihat berkaitan penubuhan Unit Arkib Cawangan Johor (UAC UiTM Cawangan Johor).

LAWATAN SAMBIL BELAJAR UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA (UIAM) KE JABATAN ARKIB UNIVERSITI 7 OKTOBER 2020

اقرأ

BERITA UTAMA

Disediakan oleh : Abdul Razak bin Abdul Rahman

 PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Shah Alam

   
ibraheem_ibraheem_shahalam Perpustakaan UIAM



Pada 7 Oktober 2020, JAU menerima kunjungan sembilan (9) orang pelawat dari Unit Arkib dan Pengurusan Rekod, Jabatan Pengurusan Pengetahuan, Perpustakaan Dar al-Hikmah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Lawatan ini diadakan adalah untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang pengurusan penyimpanan, pemeliharaan dan pelupusan rekod. Selain itu, peserta lawatan ingin mendapatkan pendedahan secara umum berkaitan kerja-kerja arkib dan pengurusan rekod. Para pelawat telah dibawa untuk meninjau persekitaran JAU dan melihat perkhidmatan yang disediakan.

TAKLIMAT PENGURUSAN INTEGRITI DAN KESELAMATAN (ISU KESELAMATAN) UNTUK PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM)


22 OKTOBER 2020

BERITA

Disediakan oleh : Abdul Razak bin Abdul Rahman



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Shah Alam



Pada 22 Oktober 2020 (Khamis) jam 10.45 pagi hingga 11.45 pagi, Encik Abdul Razak bin Abdul Rahman, Pustakawan Kanan di Jabatan Arkib Universiti telah menyampaikan taklimat secara atas talian menggunakan Platform Google Meet untuk Program Transformasi Minda Bil.36/2020 UITM Kumpulan Pelaksana. Peserta yang mengikuti taklimat ini telah didedahkan berkaitan isu keselamatan khususnya yang melibatkan rekod terperingkat di UITM.

TAKLIMAT REPOSITORY KHAZANAH MELAYU 28 OKTOBER 2020



Pada 28 Oktober 2020 (Rabu) jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari, Encik Ahmad Amiri bin Mohamad, Timbalan Ketua Pustakawan di Jabatan Arkib Universiti telah menyampaikan taklimat Repository Khazanah Melayu secara atas talian menggunakan Platform Webex. Taklimat ini adalah untuk merangkangkan tentang pengenalan dan fungsi Portal Repository Khazanah Melayu yang diurus selia oleh Jabatan Arkib Universiti, Perpustakaan Tun Abdul Razak.

PERTANDINGAN FOTOGRAFI & ULASAN BUKU

1 - 14 OKTOBER 2020

اقرأ

BERITA

Disediakan oleh : Nur Aina Amira Rasidi

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Selangor



Pertandingan Fotografi & Ulasan Buku telah dijalankan sebagai salah satu aktiviti program Read@UITM, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Pusat Asasi UITM Kampus Dengkil pada bulan Oktober 2020. Pertandingan ini dijalankan pada 1 hingga 14 Oktober 2020 sebagai peluang pelajar melahirkan kreativiti masing-masing melalui fotografi bersama buku dan turut menulis ulasan buku dan dinyatakan di dalam gambar.

Seramai 7 orang pelajar telah menghantar hasil penyertaan yang terdiri daripada 3 orang pelajar asasi sains, 1 orang pelajar asasi TESL, 1 orang pelajar asasi kejuruteraan dan 2 orang peserta selebihnya adalah pelajar asasi undang-undang KPTM. Berikut antara hasil penyertaan peserta:



AKTIVITI BACA, NILAI & ULAS!

19 - 31 OKTOBER 2020

Aktiviti Baca, Nilai & Ulas! yang dijalankan pada 19 hingga 31 Oktober 2020 ini adalah aktiviti yang dijalankan sebagai inisiatif untuk meningkatkan penggunaan MyKnowledge Management. Pelajar yang ingin menyertai aktiviti ini perlu memuat turun eBook melalui MyKM dan perlu membuat ulasan eBook yang dipilih berdasarkan bahan bacaan mengikut jurusan asasi masing-masing. Pelajar juga dikehendaki menyatakan pandangan sendiri dari pembacaan eBook tersebut.

Seramai 23 orang pelajar telah menyertai aktiviti ini yang terdiri daripada 3 orang pelajar asasi kejuruteraan, 12 orang pelajar asasi sains, 5 orang pelajar asasi undang-undang serta 3 orang pelajar asasi TESL.

Penyertaan adalah melalui Google Form yang perlu diisi oleh peserta. Aktiviti ini adalah salah satu cara bagi Program Penggiatan Budaya Membaca untuk menggalakkan pembacaan di kalangan warga UITM.



اقرأ


UITM CAWANGAN JOHOR
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

BICARA PERSONALITI PG KOREA BUKAN SEKADAR K-POP 5 OKTOBER 2020

Disediakan oleh : Nor Azelea Mohd Azahar




BERITA



Bicara Personaliti PG merupakan program diterbitkan khusus untuk mengetengahkan bual bicara yang walaupun secara santai tetapi penuh berinformasi yang sesuai didengarkan oleh semua warga UiTM Johor. Panel jemputan untuk program kali ini adalah Dr. Azianti Ismail, Pensyarah Kanan, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal. Tajuk yang dibawakan adalah Korea Bukan Sekadar K-Pop bersesuaian dengan panel jemputan yang pernah tinggal di Daegu, Korea selama 4 tahun bagi memenuhi pelajarannya dalam Kejuruteraan Mekanikal di peringkat PhD. Antara pengalaman yang diceritakan adalah soal keunikan Korea dari segi kebudayaan, makanan, cara hidup dan pelbagai lagi. Bual bicara ini menjadi menarik apabila di awal program, panel ada menerangkan bahawa mereka sekeluarga memang tidak pernah pergi ke Korea sebelum ini dan apatah lagi berbahasa Korea.

TAKLIMAT MYKM DAN LIBRARY MOBILE APP 27 & 28 NOVEMBER



Taklimat MyKM dan Library Mobile App telah dijalankan bersama Fakulti Kejuruteraan Kimia secara Google Meet. Taklimat ini dilaksanakan dengan 2 sesi dan setiap sesi mengambil masa selama hampir 2 jam. Sesi pertama disertai oleh 44 pelajar dan 2 orang pensyarah dan sesi kedua disertai oleh 74 pelajar dan 2 orang pensyarah. Pelbagai keistimewaan mengenai MyKM diketengahkan dan kemudahan Library Mobile App diperkenalkan semasa taklimat ini .

Disediakan oleh : Siti Rozana binti Mat Sanat

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Johor

Ibragute

Ibragute

ulibRARY Perpustakaan UiTM



PTDI sentiasa berusaha mempergiatkan promosi berkaitan kemudahan & perkhidmatan perpustakaan bagi menyokong keperluan pembelajaran dalam norma baru secara ODL. Sehubungan itu, satu perjumpaan bersama Resident Staff, Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah diadakan pada 15 Oktober 2020.


Sesi ini telah dimulakan dengan ucapan aluan daripada Puan Hajah Nor Asihah binti Alias, Timbalan Ketua Pustakawan dan diteruskan pula dengan sedikit penerangan oleh Puan Mawar Noor, Pustakawan Kanan berkaitan tujuan FRIENDS@PTDI ditubuhkan. Penyerahan surat lantikan turut diberikan kepada setiap wakil FRIENDS@PTDI. FRIENDS@PTDI akan membantu pihak PTDI menyalurkan maklumat kepada pelajar di kolej kediaman serta rakan pelajar yang lain melalui platform media sosial kolej masing-masing berdasarkan portfolio biro. Pihak PTDI merakamkan setinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Program FRIENDS@PTDI.

SESI RAMAH MESRA & PENYERAHAN SURAT PELANTIKAN LIAISON OFFICER FAKULTI UITM CAWANGAN JOHOR 28 OKTOBER 2020

Sesi ramah mesra dan penyerahan surat pelantikan kepada Liaison Officer Fakulti UiTM Cawangan Johor telah berlangsung dengan jayanya pada 28 Oktober 2020. Diharapkan dengan hubungan kerjasama di antara perpustakaan dan fakulti akan memantapkan lagi keperluan terhadap pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan sebagai jaminan kecemerlangan akademik universiti. Setingga penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Liason Officer Fakulti di atas kesudian penerimaan pelantikan dan diharapkan hubungan kerjasama ini akan memberi manfaat kepada semua mahasiswa dan mahasiswi.



Perpustakaan Tun Abdul Razak
Cawangan Melaka, Kampus Jasin



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah menjalankan kelas kemahiran maklumat secara atas talian dengan menggunakan medium Cisco Webex. Kelas kemahiran maklumat ini diadakan sempena Minggu EDU 5.0 yang telah diadakan pada 8 Oktober 2020. Kelas ini telah diadakan sebanyak 2 sesi, iaitu sesi pertama bersama pelajar Fakulti Sains Komputer & Matematik seramai 307 pelajar.

Manakala sesi kedua telah dihadiri seramai 296 pelajar dari Fakulti Perlادangan & Agroteknologi. Kelas kemahiran maklumat ini dijalankan bagi memperkenalkan kepada pelajar mengenai perkhidmatan perpustakaan digital UiTM.

Perkhidmatan perpustakaan digital ini dapat membantu pelajar dalam menjalani proses pembelajaran dan pengajaran secara atas talian sepanjang musim Covid-19. Antara perkhidmatan perpustakaan digital yang diperkenalkan kepada pelajar adalah MYKM Portal, Mobile Library App, Chat with Librarian, Electronic Question Paper System (EQPS), Institutional Repository (IR) UiTM dan lain-lain.

PAMERAN MAYA: PAMERAN MAYA KESIHATAN MENTAL DAN FIZIKAL

12 OKTOBER - 31 OKTOBER 2020



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah menjalankan pameran maya bertajuk "Kesihatan Mental dan Fizikal". Pameran ini diadakan sempena menyambut Hari Kesihatan Mental Sedunia pada 10 Oktober 2020. Kesihatan mental adalah situasi di mana seorang individu menyedari potensinya boleh berdaya tindak terhadap stres kehidupan, boleh bekerja dengan produktif dan boleh menyumbang kepada masyarakat. Pameran maya ini berlangsung bermula 12 Oktober 2020 sehingga 31 Oktober 2020 dan boleh diakses di laman sesawang PTAR UiTM Cawangan Melaka di bahagian Virtual Exhibition.

Pautan Pameran Maya: <https://melaka.library.uitm.edu.my/virtual-exhibition/207-kesihatanmental>

 Perpustakaan Tun Abdul Razak
Cawangan Melaka, Kampus Jasin



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah menerima kedatangan pelajar baru yang masih berada di kolej dan sekitar kampus bagi menggunakan perkhidmatan perpustakaan untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran mereka secara atas talian. Pihak PTAR UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah bersedia menerima kemasukan pelajar pada bulan Oktober dan pelajar dikehendaki mematuhi Standard Operation Procedures (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak perpustakaan. Pihak perpustakaan amat memandang serius tahap pelaksanaan SOP Covid-19 di UiTM Cawangan Melaka dan sentiasa memenuhi pelaksanaan yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Terima kasih diucapkan kepada semua staf dan pelajar yang telah mengikuti pematuhan SOP Covid-19. Marilah kita amalkan norma baru dalam pengajaran dan pembelajaran.

ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG

2 OKTOBER 2020

Disediakan oleh : Muhammad Shafiq Snin




PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Melaka

Seperti sedia maklum, setiap tahun Penganugerahan Khidmat Cemerlang akan dianugerahkan kepada staf akademik dan staf pentadbiran yang dicalonkan dan diperakui layak untuk mendapat anugerah tersebut. Pihak PTAR UiTM Cawangan Melaka turut mendapat penganugerahan tersebut iaitu 3 orang dari PTAR Kampus Alor Gajah yang terdiri daripada Puan Rozimah Mat Sidek, mantan Ketua Pustakawan, Azhar Nordin, Pembantu Pustakawan dan Muhammad Shafiq Snin, Pembantu Pustakawan. Bagi PTAR Kampus Bandaraya pula Mohd Jeffary Jantan, Pembantu Pustakawan Kanan dan seorang dari PTAR Kampus Jasin iaitu Muhammad Izwan Ibrahim, Pembantu Pustakawan. Majlis dijalankan secara sederhana memandangkan musim pandemik Covid-19 masih belum pulih lagi.



PROSES MENUKAR STATUS BUKU 'LUPUS' 5 OKTOBER 2020

Disediakan oleh : Maznah Maarof



Staf Unit Perkhidmatan Pelanggan menjalankan proses menukar status buku lupus bagi buku yang telah lulus untuk dilupuskan. Status buku ditukarkan dari Mark To Withdraw ke Withdraw Items. Proses bermula dari 01/10/2020 sehingga selesai. Jumlah keseluruhan sebanyak 5224 naskah.

Disediakan oleh : Muhammad Shafiq Snin



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Melaka

Pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Melaka telah dijemput untuk menyampaikan taklimat kepada mahasiswa yang baharu mendaftar sebagai persediaan kepada mahasiswa untuk mempelajari kaedah pencarian bahan dan maklumat secara tepat, mudah dan pantas. Taklimat ini dibahagikan kepada tiga kumpulan besar dan berlangsung selama dua jam serta disampaikan oleh tiga orang penceramah iaitu Cik Hazlin Ibrahim Khan, Puan Maznah Maarof selaku Pustakawan Kanan dan Encik Muhammad Shafiq Snin selaku Pembantu Pustakawan. Seramai 1,745 orang mahasiswa telah mengikuti taklimat ini merangkumi 3 peringkat pengajian iaitu Pra-diploma, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.



TATACARA PENGGUNAAN BARRIER GATE MENGGUNAKAN APLIKASI SARINGAN C


Disediakan oleh : Maznah Maarof

TATACARA PENGGUNAAN BARRIER GATE PERPUSTAKAAN

PENGGUNAAN KAD MATRIX STAFF / PELAJAR



PENGGUNAAN DIGITAL ID DARI APPS SARING UTM



*KERJASAMA ANDA SANGAT DIPERLUKAN UNTUK PENGAMBILAN STATISTIK HARIAN PENGSIURAH PERPUSTAKAAN !!

Unit Perkhidmatan Pelanggan mengambil inisiatif dengan menyediakan tatacara penggunaan Barrier Gate Perpustakaan melalui imbasan aplikasi Saring C-19. Ini bagi memudahkan pengguna yang masuk ke Perpustakaan melalui Barrier Gate untuk membuat imbasan menggunakan kad matrik ataupun aplikasi Saring C-19.



SOP KEHADIRAN FIZIKAL PENGGUNA KE PERPUSTAKAAN 13 OKTOBER 2020

Disediakan oleh : Maznah Maaroof



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Melaka

Staf Unit Perkhidmatan Pelanggan telah menyediakan SOP bagi kehadiran fizikal pengguna ke perpustakaan. Pengguna perlu mengikut peraturan dan ketetapan yang telah disediakan sebelum masuk ke perpustakaan.



PROSES PEMINDAHAN REKOD: BUKU DAN MAJALAH LAMA KE ARKIB NEGARA MALAYSIA NEGERI MELAKA

26 OKTOBER 2020

BERITA

Disediakan oleh : Ilya Nur Fateen Othman

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Melaka

اقرأ

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah telah menjalankan proses pemindahan rekod iaitu majalah dan buku lama ke Arkib Negara Malaysia Negeri Melaka. Pihak PTAR telah membuat permohonan pelupusan pada bulan Februari 2020 sebanyak 5226 naskah buku dan 562 naskah majalah. Dari jumlah tersebut, hanya 138 naskah buku dan 67 naskah majalah yang perlu dipindahkan ke Arkib Negara Malaysia Negeri Melaka. Proses pemindahan ini berjalan selama 2 jam dengan menyemak satu persatu bahan tersebut dengan senarai yang telah dihantar dalam borang arkib 11/08 iaitu borang permohonan bagi pemindahan rekod awam. Proses pemindahan rekod ini telah dihadiri oleh 4 orang staf perpustakaan iaitu:

1. Cik Ilya Nur Fateen binti Othman – Pustakawan (S41)
2. Shahida binti Talip – Pembantu Pustakawan Kanan (S22)
3. Rosila binti Nordin - Pembantu Pustakawan Kanan (S22)
4. Muhammad Firdaus bin Zakaria - Pembantu Pustakawan Kanan (S22)



LIBRARY OUTREACH PTAR UITM CAWANGAN MELAKA BERSAMA BAHAGIAN HEP KAMPUS JASIN 14 OKTOBER 2020

Disediakan oleh : Muhammad Shafiq Snin

PTAR UiTM Cawangan Melaka telah menjalankan Program Library Outreach dengan fokus utama kepada Pengurusan Rekod Universiti. Sebanyak 1 sesi telah dijalankan pada 14 Oktober 2020 yang melibatkan keseluruhan Bahagian HEP UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin merangkumi Unit Sukan, Unit Kolej, Unit Kokurikulum, Unit Kesihatan dan Pejabat Am HEP. Penerangan secara terus atau bersemuka berkaitan Pengurusan Rekod dan Arkib, Pelantikan Pengurus Rekod, Konsultasi Pelupusan Rekod dan diakhiri dengan lawatan ke lokasi rekod disimpan telah dijalankan oleh Cik Ilya Nur Fateen Othman, Pustakawan, Unit Arkib PTAR UiTM Cawangan Melaka.



KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT SECARA ATAS TALIAN 30 OKTOBER 2020

اقرأ

BERITA


Disediakan oleh : Muhammad Shafiq Smin

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Melaka

Bagi memenuhi keperluan pelajar untuk menjalani kelas kemahiran maklumat seperti yang disarankan oleh pihak PTAR Induk, PTAR Kampus Alor Gajah telah mengambil inisiatif dengan memberi taklimat secara atas talian memandangkan kebanyakkan mahasiswa kini menjalani pembelajaran secara Online Distance Learning. Terdapat 3 sesi dan seramai 174 orang peserta terlibat mengikuti taklimat yang telah dijalankan dari semasa ke semasa mengikut jadual yang ditetapkan.

Antara yang telah membuat tempahan ialah dari Kod Kursus LG120 seramai 88 orang pada 19/10/2020. Seterusnya dari Kod Kursus MC110 seramai 25 orang pada 23/10/2020. Akhir sekali ialah dari Kod Kursus MC110 seramai 61 orang pada 30/10/2020.

Taklimat disampaikan oleh Cik Hazlin Ibrahim Khan, Pustakawan Kanan dan dibantu oleh Puan Roslinah Harun, Pembantu Pustakawan Kanan Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah.



EDU 5.0 LIBRARY INFORMATION LITERACY PROGRAM UITM CAWANGAN MELAKA KAMPUS BANDARAYA

8 OKTOBER 2020

اقرأ

Disediakan oleh : Siti Haidah Md.Aziz

BERITA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Melaka



Seramai 360 pelajar baru telah menghadiri taklimat mengenai perpustakaan di bawah program "EDU 5.0: Library Information Literacy Program PTAR UITM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya" yang julung kali dijalankan secara atas talian dengan menggunakan medium Cisco Webex Meeting.

Taklimat disampaikan oleh Pn. Siti Haidah Md Aziz dan dibantu oleh staf PTAR KBM dengan kerjasama Unit IT KBM. Sesi taklimat ini dijalankan secara online di PTAR Aras 12 pada jam 10.30 pagi sehingga jam 12.30 tengahari . Pelajar sepenuh masa ini terdiri daripada pelajar lepasan matrikulasi, lepasan diploma dari Institusi Pengajian Tinggi lain.

Pelajar baru pada semester ini terdiri daripada Fakulti Pentadbiran dan Pengurusan Perniagaan seramai 329 orang dan Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan seramai 29 orang. Pelajar baru ini juga melibatkan 73 orang lelaki dan 287 orang perempuan.

TAKLIMAT PERPUSTAKAAN SESI OKTOBER 2020/2021 UITM CAWANGAN MELAKA KAMPUS BANDARAYA 14 OKTOBER 2020

Sesi Taklimat Perpustakaan UITM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya Melaka dan lawatan pelajar seramai 29 orang ke Perpustakaan UITM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya.

Penerangan berkaitan perkhidmatan perpustakaan telah disampaikan oleh Pn. Siti Haidah Md Aziz, Pustakawan Kanan kepada pelajar dan juga sesi 'Library Tour' turut dijalankan pada hari tersebut.

Tarikh: 14 Oktober 2020

Masa: 2:30 petang - 4:00 petang

Perserta: Fakulti Pengurusan Perniagaan & Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan



SEMAKAN DOKUMEN PELUPUSAN REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN PENTADBIRAN UITM CAWANGAN MELAKA KAMPUS BANDARAYA SIRI 2

15 OKTOBER 2020

اقرأ

Disediakan oleh : Iya Nur Fateen Othman

BERITA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Melaka

Pada 15 Oktober 2020, Unit Arkib UiTM Cawangan Melaka telah mengadakan satu sesi semakan dokumen pelupusan rekod kewangan dan perakaunan antara pihak Audit Negara Negeri Melaka dengan Bahagian Pentadbiran UITM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya. Sesi ini merupakan sesi kedua selepas sesi pertama diadakan pada 17 Ogos 2020. Sesi semakan dokumen ini telah dihadiri oleh 4 orang pegawai audit iaitu:

1. Puan Nur Fadilah binti Abdul Mutalib – Penolong Pengarah Audit (W41)
2. Puan Rosnaida binti Bidin – Penolong Juruaudit (W32)
3. Puan Rosniza binti Ramli – Penolong Juruaudit (W32)
4. Encik Fadzil bin Baharum – Penolong Juruaudit (W32)

Sesi ini telah berlangsung selama 1 jam yang telah melibatkan aktiviti semakan dokumen rekod kewangan dan perakaunan bagi memastikan rekod tersebut cukup tempoh dan boleh diluluskan sebelum dihantar permohonan ke Jabatan Akauantans Negara bagi mendapatkan kelulusan terakhir sebelum rekod tersebut lulus untuk dilupuskan. Keputusan dari sesi ini pihak Jabatan Audit Negeri Melaka telah menilai dan meluluskan semua dokumen tersebut dan akan mengeluarkan surat kelulusan pelupusan bagi tindakan seterusnya.




Gambar Kenangan bersama pihak Audit Negara Negeri Melaka.

EKKM - KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT DATASTREAM PTAR UITM CAWANGAN MELAKA KAMPUS BANDARAYA 28 OKTOBER 2020

EKKM Kelas Kemahiran Maklumat Datastream telah dijalankan secara atas talian pada 28 Oktober 2020, dengan pelajar semester 5 dari kursus BA242.

Datastream Professional merupakan produk Thomson Reuters yang menyediakan maklumat dan data komprehensif kewangan antarabangsa termasuk ekuiti, indeks ekuiti, unit amanah, pelaburan, bon, komoditi, kadar tukaran asing, maklumat syarikat, berita terkini dan lain-lain.

Kelas Kemahiran Maklumat Datastream telah disampaikan oleh En. Mohd Jefary bin Jantan (Pembantu Perpustakaan Kanan).



JOM PINJAM & BOOK DELIVERY SERVICES @ PTAR KBM UITM KAMPUS BANDARAYA MELAKA

15 OKTOBER 2020

اقرأ

Disediakan oleh : Siti Haidah Md.Aziz

BERITA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Melaka

Program Jom Pinjam & Book Delivery Services @ PTAR KBM pada 27 Oktober & 28 Oktober 2020 melibatkan Unit HEP, Unit HEA, Unit Kesihatan, Unit Kolej, Bahagian Pentadbiran, Pejabat Bendahari, BPPP dan Unit Hal Ehwal Islam.

Sebanyak 49 buah buku yang dipinjam oleh staf pentadbiran. Program yang julung kali diadakan ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan di kalangan staf pentadbiran. Maklumbalas positif yang diterima membolehkan PTAR KBM mengadakan aktiviti ini secara berterusan dengan lebih meluas melibatkan penghuni Kolej Tun Mutahir dan Kolej Mamat. Ini adalah merupakan salah satu aktiviti yang dirancang untuk menyemarakkan projek 'Membaca @ PTAR KBM' di sepanjang semester ini.



SIRI 1: KEEP FIT & GAIN KNOWLEDGE@PTAR

KAMPUS REMBAU

9 OKTOBER 2020

اقرأ

BERITA

Disediakan oleh : Mohd Paizal Usman



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau



Siri 1 'Keep Fit & Gain Knowledge'@PTAR Kampus Rembau anjuran PTAR Kampus Rembau ini telah diadakan di Laman Ilmu PTAR dan disertai oleh warga UiTM CNS Kampus Rembau yang terdiri daripada staf dan pelajar. Jurulatih jemputan ialah Encik Mohd Azuan (Mr. Wong) dari Unit Sukan UiTM CNS Kampus Rembau. Pameran buku turut diadakan bagi menarik peserta membuat pinjaman buku. Terima kasih kami ucapkan kepada semua peserta yang telah berjaya memeriahkan siri 1 ini dengan norma baharu. Diharapkan dapat memberi manfaat dan faedah kepada semua.

PROGRAM MURAJA'AH KITAB SIRI 1: IQRA, ILMU & MAARUF

27 OKTOBER 2020

اقرأ

BERITA

Disediakan oleh : Mohd Zahidzi Mohd Ali



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Negeri Sembilan

10 Rabiulawal 1442H / 27 Oktober 2020M (Selasa), PTAR Kampus Seremban telah mengadakan Program Muraja'ah Kitab Siri 1: IQRA, ILMU & MAARUF. Program ini menggunakan Platform Google Meet. Program ini diadakan bagi berkongsi ilmu berkaitan dua naskhah buku yang telah dibaca oleh panel jemputan kepada warga UiTM cawangan Negeri Sembilan.

Kali ini PTAR menjemput 2 orang panel iaitu YBhg. Dr. Suhaimi Hj. Abd. Samad, Timbalan Dekan HEP Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi (FSPPP) dan YBhg. Prof. Madya Dr. Rozita Abdul Latif, Pensyarah Fakulti Sains Sukan & Rekreasi (FSR), UITM Kampus Seremban manakala Puan Lily Aznira Omar, Pembantu Pustakawan Kanan selaku moderator daripada PTAR Kampus Seremban.

Pada umumnya, program ini berjaya mengukuhkan lagi kolaborasi antara PTAR Kampus Seremban dengan unit-unit yang lain serta merapatkan ukhuwah Islamiah, keakraban, kemesraan dan seronok antara kakitangan.

Seramai 25 orang telah menonton program yang dijalankan, pelbagai maklumbalas positif telah dilontarkan oleh para penonton di akhir siaran. Kejayaan program ini juga turut dibantu oleh Puan Lily Aznira Omar, Pembantu Pustakawan Kanan selaku moderator daripada PTAR Kampus Seremban. PTAR Kampus Seremban merakamkan ucapan ribuan terima kasih.

Diharapkan program ini dapat memberi manfaat dan faedah kepada semua dalam usaha menggalakkan budaya membaca dalam usaha memupuk budaya perkongsian ilmu di kalangan warga UiTM Cawangan Negeri Sembilan.



MURAJA'AH KITAB SIRI 1
IQRA . ILMU . MAARUF
27 OKTOBER 2020 | SELASA | 10.00 PAGI
PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

Join Live
QR CODE MEET

PTAR
LibraryForAll
UTM


Steps to Top
Awet Muda

facebook: PTAR Kampus Seremban Negeri Sembilan

Jom latihan disekitaran

Disediakan oleh : Muhamad Azim bin A'nsori

BERITA UTAMA

 PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
 Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar


Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Perak menjalankan Program Live @ PTAR Perak: Eksplorasi Diri Melalui Grafologi pada 16 Oktober 2020 bermula jam 3.00 petang hingga 4.00 petang. Program ini dijalankan melalui 'FB Live' Perpustakaan UiTM Perak dan juga YouTube Live Perpustakaan UiTM. Panel pada program ini adalah daripada Unit Kerjaya & Kaunseling UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar iaitu Cik Roslina Abdul Rahman, Timbalan Ketua Pegawai Psikologi dan Puan Akmarina Abd Rani, Pegawai Psikologi Kanan.

Tanpa kita sedar, tulisan tangan memainkan peranan yang sangat penting di dalam membantu individu mengenal diri masing-masing. Terdapat pelbagai komponen di dalam tulisan tangan yang boleh mencerminkan ciri-ciri keperibadian dan perwatakan seseorang individu termasuk juga melalui tandatangan. Tulisan tangan mungkin kelihatan sebagai hiasan dan menarik untuk dilihat tetapi menurut Grafologi, ia mempunyai beberapa makna atau maksud yang tersirat di sebalik keunikan tandatangan setiap manusia.

Ilmu Grafologi dapat membantu individu dalam membina kekuatan dan pemantapan diri setelah unsur-unsur yang terdapat di dalamnya dapat difahami dengan teliti. Kelemahan kendiri turut dapat diatasi sekiranya kaedah Grafologi diaplikasikan dengan sebaik-baiknya. Perkembangan bakat untuk menjadi seorang pemimpin yang berjaya juga mampu dianalisa melalui grafologi iaitu apabila mengenalpasti karakter diri melalui tulisan tangan dan tandatangan. Justeru, adalah amat penting untuk kita meneroka karakter diri melalui kepelbagaiannya ilmu, termasuklah bidang Grafologi.

Sesi perkongsian yang berlangsung selama satu jam ini banyak membincangkan kebaikan ilmu Grafologi untuk digunakan dalam kehidupan seharian. Siaran langsung yang dilangsungkan melalui 2 medium iaitu Facebook dan YouTube ini telah mendapat capaian sebanyak 536 penonton.



PROGRAM WORLD #QURANHOUR 2020 PERINGKAT UITM CAWANGAN PERAK 30 OKTOBER 2020

اقرأ

BERITA UTAMA

Disediakan oleh : Muhamad Azim bin A'nsori

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar



The poster features a colorful design with orange, yellow, and purple gradients. At the top left is the logo of the Universiti Islam Negeri Sultan Idris Shah II (UIN SI) with the text "PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK". Below it is a stylized orange and yellow graphic. The main text "Duria Berbudi & Penyayang" is at the top, followed by "WORLD #QuranHour" in large white letters, with "...satu pernafasan" underneath. At the bottom left is the "Satu Jam bersama al-Quran" logo with "365 hari" and "www.ptarperak.my". On the right side, there's a banner for "Misi Surah Ar-Rahman" with the date "30 Oktober 2020" and time "9.00 pagi - 10.00 pagi". It also includes "Pusat Islam UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar" and logos for PTAR and UTM.

STAY CONNECTED
AQUARIUS | UTM | JAMTOP

Misi Surah Ar-Rahman
30 Oktober 2020
9.00 pagi - 10.00 pagi

Pusat Islam UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar

PTAR Live
Perpustakaan UiTM Perak
Pusat Islam UiTM Perak
YouTube WebTV UiTM Perak

World #QuranHour merupakan sebuah program yang bertujuan menggalakkan setiap individu berinteraksi dengan Al-Quran melalui Baca, Faham dan Amal. ia adalah sebuah usaha menjadikan nilai-nilai mulia dari pada Al-Quran membentuk jiwa berbudi dan penyayang sehingga menjadi cara hidup seharian setiap insan. Program ini merupakan suatu inspirasi agar manusia mampu melonjakkan potensi diri berlandaskan kerangka fikir Al-Quran.

Bertemakan Reboot Global Harmony, program Quran Hour pada tahun ini disuntik dengan misi surah ar-Rahman sebagai solusi mengembalikan keharmonian global daripada pandemik COVID-19 yang sedang melanda Malaysia dan seluruh dunia. Tadabbur & Tadzakkur sempena World #QuranHour yang berlangsung di UiTM Cawangan Perak ini diketuai oleh Ustaz Mohd Norzarir Arshad, Timbalan Ketua Pegawai Hal Ehwal Islam. Program ini secara tidak langsung diharap dapat meningkat dan menanam minat membaca Al-Quran dalam kalangan peserta program dan warga kampus UiTM Cawangan Perak.

Hasil kerjasama antara Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Perak Kampus Seri Iskandar dan Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Perak telah berjaya menarik seramai 153 penonton di mana program ini dijalankan secara langsung melalui Youtube Live WebTV UiTM Perak. Program World #QuranHour 2020 Peringkat UiTM Cawangan Perak ini berlangsung pada 30 Oktober 2020 pada jam 9.00 pagi hingga 10.00 pagi bertempat di Pusat Islam UiTM Cawangan Perak.



READ & RELAX @ PTAR SERI ISKANDAR

BUKU BILANGAN 1

BERITA

Disediakan oleh : Muhamad Azim bin Ansori

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar

DESKRIPSI

- Buku ini adalah tentang motivasi dan kejayaan dalam diri sendiri.

KANDUNGAN

- Buku ini mengandungi idea dan strategi bagi membantu anda mendorong diri sendiri. Ia dipenuhi fakta dan hasil kajian pakar dalam pelbagai bidang.

TEKNIK PENYAMPAIAN

- Ia mengandungi idea dan strategi bagi membantu anda mendorong diri sendiri. Ia dipenuhi fakta dan hasil kajian pakar dalam pelbagai bidang.

RUMUSAN

- Buku ini sangat sesuai untuk relatif yang berminat dengan teknik mendorong diri sendiri dan sikap.

Buku ini mengandungi idea dan strategi bagi membantu anda mendorong diri sendiri. Ia dipenuhi fakta dan hasil kajian pakar dalam pelbagai bidang. Membaca buku ini dapat mengubah persepsi anda pada definisi kejayaan dan kegagalan. Kejayaan bukan sekadar mendapat gred A, menjadi kaya ataupun memungut pingat emas. Ia lebih daripada itu. Kegagalan pula bukanlah perkara yang memalukan. Ia suatu proses pembelajaran dalam kehidupan. Dengan memfokuskan kepada perubahan persepsi dan sikap, *Mendorong Diri Sendiri* memberi inspirasi kepada mereka yang ingin merealisasi potensi diri. Sesuai dibaca oleh mereka yang ingin berjaya dalam pelajaran, kerjaya dan apa sahaja.

READ & RELAX @ PTAR SERI ISKANDAR

BUKU BILANGAN 2

DESKRIPSI

- Latar pemuliharaan buku ini adalah pada akhirnya seorang ahli sains bernama Abu Ubaidah bin Al Jarrah.

KANDUNGAN

- Kehidupan, Karir dan keberhasilan Abu Ubaidah.

TEKNIK PENYAMPAIAN

- Pembelaan mengenai ciri-ciri kepimpinan Abu Ubaidah dan ketika mana dia pernah berlakukannya.

RUMUSAN

- Novel ini mengandungi buku Abu Ubaidah yang teliti dan cermat dalam menggambarkan arah hidupnya. Novel ini juga memberi maklumat tentang kejayaan dan kegagalan dalam hidupnya. Novel ini juga memberi maklumat tentang kejayaan dan kegagalan dalam hidupnya.

Nama sebenarnya Amir bin Abdullah bin al-Jarrah bin Hila Al Fihri Al Quraisy. Terkenal dengan nama Abu Ubaidah al-Jarrah. Beliau lahir di Mekah daripada sebuah keluarga Quraisy yang terhormat. Termasuk orang yang awal masuk Islam, selepas Abu Bakar as-Siddiq. Beliau salah seorang yang dijamin masuk surga. Berperawakan tinggi, kurus, berwibawa, bermuka ceria, selalu merendah diri, dan amat pemalu. Kerana itu beliau disenangi oleh mereka yang mengenalinya. Selepas menjadi pengikut Nabi Muhammad SAW, Abu Ubaidah al-Jarrah sanggup menghadapi kesulitan dan bersifat berani ketika berada di medan perang. Beliau mengikuti semua peperangan bersama Rasulullah SAW. Semasa berlakunya Perang Uhud, Rasulullah SAW terkena anak panah yang dilepaskan musuh lalu tersangkut pada rahang baginda. Abu Ubaidah al-Jarrah mencabut anak panah itu dengan giginya sehingga giginya tercabut. Rasulullah SAW memberinya gelaran 'Gagah dan Jujur'.

Disediakan oleh : Muhamad Azim bin A'nsori



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar

libraryperak libraryperak ultmperak Perpustakaan UTM



Perpustakaan
Tun Abdul Razak
Cawangan Perak
Kampus Seri Iskandar

Read & Relax

DESKRIPSI

- Latar penulisan buku ini adalah tentang kehidupan disebut kampung pendudukan yg berisarkan tentang seorang bidadari yang baik jemahat otonomy, tetapi mewarisi kebolehan merawat penyakit
- Keagamaan, Kerohanian, Kejiran dan Kelahiran

KANDUNGAN

TEKNIK PENYAMPATAN


- Penulisan penulis ini banyak menggunakan bahasa peras, manajah untuk mewarik pembaca dilakukannya muda. Bahasa yang mudah difahami ditambah dengan bahasa lohat se tempat, faktor ini menjadikan novel ini mendapat sambutan orang ramai

TRIMUSAN

- Novel ini, sesuai diliraku oleh semua lapisan golongan. Pola gaya norma kehidupan boleh dipelajari dalam novel ini, disamping watak Jibam yang humor dilakukannya merupakan kampung.

STAY CONNECTED

ANYWHERE | ANYTIME | ANYONE



Jibam tidak pernah menyesali nasib. Jibam juga tidak pernah mempersoalkan takdir. Biar sepanjang hayat akan disulam air mata darah, namun sekalipun Jibam tidak akan pernah menyesal kerana dia adalah wira di medan derita. Cuma kadangkala kehadiran Jibam mengganggu dan mengetuk pintu kerohanian. Membara bahasa-bahasa Tuhan untuk mereka yang lalai daripada tafsir harfiah kitab-kitab suci. Maka pertempuran nafsu menjadi bertambah sengit hingga mengorbankan Suman si sufi yang tersembunyi. Namun siapa juar yang kasih kepada Jibam akan menemui rahsianya, kerana Jibam bersuara di dalam asyiknya.



library.perak.ultra.edu.my



[library.ultraultra](#)



[library.ultra.ultra](#)



[libultraultra](#)

2 OKTOBER 2020

BERITA UTAMA


PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UITM Cawangan Perak, Kampus Tapah

www.kolektoritauitmperak.edu.my | +603 8061 0100 | Instagram: @UITM Perak



Pada 2 Oktober 2020 (Jumaat), Kelas Kemahiran Maklumat telah diadakan bersama beberapa wakil dari Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Uitm Cawangan Perak, Kampus Tapah. Kelas Kemahiran Maklumat ini diadakan di Bilik IT Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dan bermula pada jam 9.00 pagi berakhir pada jam 10.30 pagi. Kelas Kemahiran Maklumat ini diadakan bagi memberi pendedahan dan maklumat terkini mengenai perkhidmatan dan koleksi PTAR Kampus Tapah.

Seramai 5 orang wakil MPP telah menyertai Kelas Kemahiran Maklumat yang dikendalikan oleh Pustakawan, Cik Nur Dayana binti Mohd Narwawi ini. Mereka juga telah diberikan pendedahan mengenai Laman Web PTAR Kampus Tapah, Online Database, Institutional Repository dan Open Public Access Catalog. Di akhir Kelas Kemahiran Maklumat ini, perkongsian idea di antara wakil MPP dan pihak PTAR telah diadakan dalam usaha menambah baik perkhidmatan PTAR. Pihak MPP juga turut bersedia untuk bekerjasama dengan PTAR Kampus Tapah dalam menyampaikan maklumat mengenai perpustakaan kepada pelajar Uitm Cawangan Perak Kampus Tapah.



8 OKTOBER 2020

اقرأ

DISEPAMAN BERSAMA NUR DAYANA BINTI NARWAWI

BERITA UTAMA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR)
UITM Cawangan Perak, Kampus Tapah

www.lib.uitm.edu.my | +603 8010 8000 | +603 8010 8001 | [Facebook](https://lib.uitm.edu.my) | [Twitter](https://lib.uitm.edu.my) | [Instagram](https://lib.uitm.edu.my) | [YouTube](https://lib.uitm.edu.my)

Bersempena dengan Minggu EDU 5.0 UITM Cawangan Perak, pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Tapah telah diberi peluang untuk memberikan taklimat perpustakaan kepada semua pelajar baru yang mendaftar ke UITM Cawangan Perak, Kampus Tapah. Taklimat telah diadakan melalui platform atas talian Google Meet dan dimuat turun ke YouTube WebTV UITM Perak. Ini kerana, sebahagian besar daripada kalangan pelajar baru berada di kediaman masing-masing ekoran status terkini mengenai Wabak Covid-19. Slot taklimat perpustakaan ini diadakan pada 8 Oktober 2020 (Khamis) pada pukul 10.00 pagi dan setakat ini seramai 1,143 pelajar baru telah menonton video taklimat perpustakaan ini.

STANDARD OF PROCEDURE (SOP) DI PERPUSTAKAAN

1. Pelajar perlu mengisi bantingC19 UITM (di portal Utama PTAR)
2. Bacaan suhu badan
3. Memerlukan kehadiran di dalam buku log yang disediakan (Kaunter Utama PTAR)
4. Sekiranya tidak sifat, pelajar tidak dibenarkan masuk ke Perpustakaan. Dimasukkan untuk memunggah Unit Kesihatan UITM untuk saranahan langsung.
5. Penjelasan sozal.

MINGGU EDU 5.0 UITM CAWANGAN PERAK - SLOT PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK KAMPUS TAPAH

1,143 views - Published Oct 8, 2020

UITM Cawangan Perak

Subscribe

Taklimat perpustakaan ini telah disampaikan oleh Pustakawan PTAR Kampus Tapah, Cik Nur Dayana binti Mohd Narwawi. Antara perkara yang disampaikan melalui taklimat ini ialah, koleksi bahan bacaan yang terdapat di PTAR, perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh PTAR, sahsiah rupa diri, peraturan PTAR serta Standard of Procedure (SOP) yang telah ditetapkan dalam usaha mengekang penyebaran Wabak Covid-19 di perpustakaan. Walaupun para pelajar tidak dapat hadir ke perpustakaan, tetapi mereka diberikan peluang untuk meninjau persekitaran perpustakaan melalui jawatan maya dengan rakaman video yang telah disediakan oleh Pembantu Pustakawan, Encik Mohamad Arif bin Yusoff dan Encik Mohd Amirul Hafiz bin Ahmad. Semoga dengan taklimat ini, para pelajar baru mendapat gambaran yang jelas mengenai PTAR Kampus Tapah.

22 OKTOBER 2020

اقرأ

BERSAMA-SAMA MEMBANGUN MASA DEPAM

BERITA UTAMA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UITM Cawangan Perak, Kampus Tapah

www.lib.uitm.edu.my/ptar/tapah | +603 8010 8100 | Instagram: @UITM PTAR



The image shows a promotional flyer for the "Moh Pinjam Buku" program. The title "MOH! PINJAM BUKU" is prominently displayed in large, colorful letters. Below it, the subtitle "PROGRAM LIBRARY OUTREACH" and the tagline "BERSAMA-SAMA MEMBANGUN MASA DEPAM" are visible. The flyer includes a QR code for Google Meet, a link to "meet.google.com/vha-kvkk-aus", and a "Google Meet" button. It also features a "Facebook" icon and a "WhatsApp" icon. The text on the flyer provides details about the event: "INFO PERKHIDMATAN & KOLEKSI PTAR", "KUZZ & SESSIARAN", "TERNAKH MRER PLATFORM", "22 OKTOBER 2020 (KHAMIS)", "10.00 PAGI - 11.00 PAGI", and "05 969 5175". There is also a "DESKTOP" button and a "DESKTOP" icon.

Pada 22 Oktober 2020 (Khamis), Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah telah mengadakan program Library Outreach "Moh Pinjam Buku". Pada mulanya, program ini dijadualkan berlangsung secara bersemuka di Kafe Pentadbiran UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah tetapi terpaksa dibatalkan akaran situasi terkini Wabak Covid-19. Oleh itu, pihak PTAR Kampus Tapah telah mengambil inisiatif untuk meneruskan program Library Outreach secara atas talian menerusi platform Google Meet. Program ini terbuka untuk semua warga universiti.

Antara objektif utama program Library Outreach "Moh Pinjam Buku" ini adalah untuk mempromosikan buku baru yang terdapat di PTAR Kampus Tapah. Selain itu, pihak perpustakaan juga ingin menghebahkan maklumat terkini mengenai Mobile App Digital Library kepada semua warga universiti dan samping maklumat mengenai My Knowledge Management. Program yang berlangsung selama satu jam ini telah disertai oleh 68 warga UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah termasuk pelajar, staf akademik dan staf bukan akademik. Di akhir program, beberapa kuzt telah diberikan kepada peserta dan hadiah menarik turut disediakan bagi peserta yang bertuah.



STAY CONNECTED
JULY 2018 - JULY 2019

A. MASYARAKAT
Buku ini memberi panduan kepada mereka yang ingin mengadakan majlis kerahan di samping terdapat juga panduan dalam penyediaan tempat berdasarkan majlis yang ingin dilakukan. Selain itu pula buku juga menyatakan cara membuat resipi.

B. KONSEP PENGETAHUAN
Buku ini memberi penjelasan tentang konsep-konsep penting yang perlu dipelajari. Selain itu buku ini juga memberi maklumat tentang teknologi dan teknik-teknik yang boleh digunakan dalam pelajaran.

C. KEBUDAYAAN
Buku ini untuk memberi maklumat tentang budaya bangsa Melayu seperti peribahasa dan jendela. Selain itu buku ini turut memberi maklumat tentang budaya dunia dan budaya bangsa lain.

Facebook | Twitter | YouTube | Instagram | LinkedIn | WhatsApp | Telegram | LinkedIn

Buku ini memberi panduan kepada mereka yang ingin mengadakan majlis kerahan di samping terdapat juga panduan dalam penyediaan tempat berdasarkan majlis yang ingin dilakukan. Selain itu, pelbagai resipi juga boleh didapati dan mudah untuk dipelajari.

HIGHEST DEMAND BOOK @ PTAR TAPAH

An outstanding introduction to the fundamentals of regression analysis – updated and expanded. The methods of regression analysis are the most widely used statistical tools for discovering the relationships among variables. This classic text, with its emphasis on clear, thorough presentation of concepts and applications, offers a complete, easily accessible introduction to the fundamentals of regression analysis. Assuming only a basic knowledge of elementary statistics, Applied Regression Analysis, Third Edition focuses on the fitting and checking of both linear and nonlinear regression models, using small and large data sets, with pocket calculators or computers.

HIGHEST DEMAND BOOK

Applied Regression Analysis
3rd Edition

Title:	Applied Regression Analysis
Author:	John Neter, Michael R. Wasserman, and William H. Kutner
ISBN:	9780071122936
Publisher:	McGraw-Hill
Language:	English
Condition:	New
Call No.:	519.53225 NER 2008

In making innovations in the transmission of regression analysis – updated and expanded. The methods of regression analysis are the most widely used statistical tools for discovering the relationships among variables. This classic text, with its emphasis on clear, thorough presentation of concepts and applications, offers a complete, easily accessible introduction to the fundamentals of regression analysis. Assuming only a basic knowledge of elementary statistics, Applied Regression Analysis, Third Edition focuses on the fitting and checking of both linear and nonlinear regression models, using small and large data sets, with pocket calculators or computers.

Disediakan oleh : Rafidah Muhamad Sam

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Pulau PinangUNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARACawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang PauhFAKULTAS EKONOMI
UNIVERSITAS NEGERI YOGYAKARTA**ONLINE POSTGRADUATE COLLOQUIUM**

ORGANIZER – CENTRE FOR POST GRADUATE STUDIES

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA P PINANG

CO-ORGANIZER – UNIVERSITAS NEGERI YOGYAKARTA

MEET LINK -

DATE: 24 OCTOBER 2020

TIME: 8.30 AM – 12.30 AM (MY)

**DR. SUTIRMAN, S.PD., M.PD.**

UNIVERSITAS NEGERI YOGYAKARTA

INVITED SPEAKER QPC 2020

TITLE: WRITING RESEARCH
PROPOSAL**TN NURULIZWAN AMIR**

SENIOR LIBRARIAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PULAU PINANG

TITLE: E-LIBRARY RESOURCE FOR
LITERATURE WRITING

Online Postgraduate Colloquium telah dilaksanakan pada 24 Oktober 2020 secara atas talian melalui platform Google Meet. Kolokium ini merupakan kerjasama di antara Pusat Pengajian Pascasiswazah UiTM Cawangan Pulau Pinang bersama Universitas Negeri Yogyakarta, Indonesia. Seramai 55 orang peserta yang terlibat dalam kolokium ini terdiri daripada pelajar EMBA UiTM Cawangan Pulau Pinang serta pensyarah dan pelajar dari Fakultas Ekonomi, Universitas Negeri Yogyakarta, Indonesia.

Terdapat dua slot di dalam kolokium ini dan salah satu slot telah disampaikan oleh Encik Nurulizwan Amir, Pustakawan Kanan, Unit Penyelidikan, Pembelajaran dan Rujukan Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Pulau Pinang yang bertajuk "The use of E-Library in writing Literature Review". Slot kedua pula bertajuk "Preparing Research Proposal" telah disampaikan oleh Dr. Sutirman S.PD., M.Pd., Universitas Negeri Yogyakarta, Indonesia.

GOTONG ROYONG MELETAKKAN PENANDA JARAK FIZIKAL DI PTAR KAMPUS PERMATANG PAUH

اقرأ

1 OKTOBER 2020

BERITA

Disediakan oleh : Rafidah Muhamad Sam



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Pulau Pinang

Pada Oktober 2020, PTAR Kampus Permatang Pauh telah mula menerima kehadiran pengunjung untuk menggunakan kemudahan di dalam perpustakaan. Semua perpustakaan perlu mengamalkan norma baharu apabila meneruskan operasi semasa dan pasca PKP kerana penularan Wabak COVID-19 masih belum dapat ditangani sepenuhnya.

Untuk memenuhi keperluan tersebut, kakitangan perpustakaan telah bersama-sama mengadakan gotong-royong menampal makluman penjaraikan fizikal, menyusun kerusi meja dan memastikan kemudahan di dalam perpustakaan dilabel dengan kemas.

Kerja-kerja gotong-royong ini diketuai oleh Pembantu Pustakawan Kanan Unit Perkhidmatan Pelanggan, Encik Syarifulanuar Mat Isa dan dibantu oleh staf-staf lain. Selain kerja-kerja menampal makluman, PTAR juga memastikan termometer, "hand sanitizer", borang saringan dan QR code My Sejahtera dan "Contact Tracing Code" telah disediakan di pintu hadapan perpustakaan.



PROGRAM 3E (EXPOSE, EXPLORE, EXPRESS) SIRI 4/2020



7 OKTOBER 2020

Pada 7 Oktober 2020, telah berlangsung Program 3E (Expose, Explore, Express) siri keempat anjuran Unit Kerjaya dan Kaunseling, BHEP UiTM Cawangan Pulau Pinang dengan kerjasama PTAR dan KKUUITM Cawangan Pulau Pinang. Program siri keempat ini bertajuk "Pengurusan Stress di Tempat Kerja" telah dihadiri oleh 40 orang peserta daripada pelbagai bahagian di UiTM Cawangan Pulau Pinang.

Program dimulakan dengan ceramah pengurusan stress di tempat kerja yang disampaikan oleh Cik Anis Nadhirah Shafie. Kemudian, ia diteruskan lagi dengan aktiviti dalam kumpulan termasuk aktiviti kenali emosi melalui warna dan beberapa kuiz serta sesi soal jawab mengenai tahap stress peserta di tempat kerja yang dikendalikan oleh Encik Mohd Zulkhairi Ibrahim, Pegawai Psikologi Kanan. Program kali keempat ini telah menamatkan siri Program Santai 3E yang dikendalikan oleh Unit Kerjaya dan Kaunseling pada tahun 2020 sebagai usaha mereka untuk memberikan khidmat kaunseling kepada warga kampus yang memerlukannya.



Disediakan oleh : Rafidah Muhamad Sam


PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
 Cawangan Pulau Pinang


Satu taklimat perpustakaan telah disampaikan secara atas talian kepada pelajar-pelajar baharu UiTM Cawangan Pulau Pinang sempena minggu EDU 5.0 yang berlangsung dari 5 Oktober hingga 9 Oktober 2020. Taklimat perpustakaan ini telah disampaikan oleh Encik Nurulizwan Amir, Pustakawan Kanan, Unit Perpustakaan Digital, PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang.

Taklimat meliputi makluman tentang perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan yang ditawarkan serta kemudahan terkini di musim pasca Covid-19 iaitu Perpustakaan Digital. Pelajar yang mengikuti taklimat ini juga berpeluang untuk mengajukan sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan yang ditawarkan.

LAWATAN KOLEJ VOKASIONAL BUTTERWORTH KE PTAR KAMPUS PERMATANG PAUH

14 OKTOBER 2020

Pada 14 Oktober 2020, PTAR Kampus Permatang Pauh telah menerima kunjungan daripada beberapa orang tenaga pengajar Kolej Vokasional Butterworth. Rombongan tersebut diiringi oleh Dr. Samsudin Wahab dan Ts. Dr. Basharudin Abdul Hadi daripada Unit TVET UiTM Cawangan Pulau Pinang serta Dr. Nor Aminin Khalid daripada Fakulti Pengurusan Perniagaan.

Di dalam sesi lawatan dan taklimat ringkas ini, mereka telah diterangkan mengenai kemudahan dan perkhidmatan yang terdapat di perpustakaan dan usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak PTAR Kampus Permatang Pauh untuk menceriakan ruang di dalam perpustakaan. Pelbagai soalan turut diajukan berkaitan kemudahan pinjaman bahan dari pihak luar (pinjaman antara perpustakaan), perkhidmatan rujukan serta perkhidmatan perpustakaan digital.



15 OKTOBER 2020

Disediakan oleh : Rafidah Muhamad Sam


BERITA



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Pulau Pinang

Pada 15 Oktober 2020, PTAR Kampus Permatang Pauh telah mengadakan satu taklimat perpustakaan secara atas talian bersama MPP dan JPK UiTM Cawangan Pulau Pinang. Para peserta taklimat merupakan MPP dan JPK daripada Kampus Permatang Pauh dan Kampus Bertam. Seramai 34 peserta telah mengikuti taklimat yang disampaikan oleh Cik Nor Azilawati Mohamad Azmi, Puan Farleen Azrina Zamberi dan Encik Nurulizwan Amir berkaitan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan terutama mengenai Perpustakaan Digital.

Timbalan Ketua Pustakawan PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang, Puan Hayati Mokhtaram telah berbesar hati memberikan ucapan alu-aluan dalam sesi taklimat tersebut. Beliau berharap MPP dan JPK dapat menghebahkan tentang perkhidmatan yang disediakan oleh PTAR kepada semua pelajar dan memanfaatkan segala kemudahan ini untuk tujuan pembelajaran kerana adalah suatu kerugian besar sekiranya perkhidmatan yang diberikan tidak digunakan oleh para pelajar.



RUANG SANTAI PTAR KAMPUS PERMATANG PAUH BERWAJAH BARU 16 OKTOBER 2020




Fungsi perpustakaan pada masa kini bukan lagi sekadar menjadi tempat untuk mentelaah pelajaran malah telah diperluaskan fungsi kewujudannya selari dengan keperluan pengguna masa kini. Justeru itu, PTAR Kampus Permatang Pauh telah mengambil inisiatif untuk memperbaharui Ruang Santai yang terletak di Aras 1.

Ruang santai PTAR Kampus Permatang Pauh telah diwujudkan sejak tahun 2013 bertujuan untuk memberikan pengguna perpustakaan satu ruang untuk merehatkan minda selepas seharian berada di kelas. Di ruangan ini, pengguna boleh mengadakan perbincangan, bermain pelbagai permainan yang disediakan atau sekadar berehat sebelum kelas bermula. Ruang santai ini telah diperbaharui susun aturnya agar lebih segar dan ceria dengan memasukkan unsur "greenation" selaras dengan saranan oleh YBhg. Prof. Ts. Dr. Salmiah Kasolang, Rektor UiTMCP. Adalah diharapkan, dengan pembaharuan ini dapat memberikan keselesaan kepada pengguna di PTAR Kampus Permatang Pauh.

Disediakan oleh : Rafidah Muhamad Sam

BERITA


PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Pulau Pinang

Satu sesi kelas kemahiran maklumat telah diadakan pada 23 Oktober 2020 tentang "Reference Management Software - Mendeley" yang disertai oleh pelajar-pelajar yang bermingat untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang penggunaan Mendeley. Sesi ini telah disampaikan oleh Encik Nurulizwan Amir, Pustakawan Kanan, Unit Penyelidikan, Pembelajaran dan Rujukan, PTAR Kampus Permatang Pauh.

Seramai lebih kurang 57 orang peserta yang terdiri daripada para pelajar telah mengikuti sesi kelas kemahiran maklumat kali ini yang diadakan melalui platform Google Meet. Diharap maklumat yang telah disampaikan bermanfaat kepada semua peserta.

LIBRARY OUTREACH@PTAR BERSAMA FAKULTI KEJURUTERAAN KIMIA DAN AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI UITMCPP

30 OKTOBER 2020



Program Library Outreach@PTAR bagi bulan Oktober 2020 telah diadakan pada 26 Oktober 2020 bersama Fakulti Kejuruteraan Kimia (FKK) dan Akademi Pengajian Islam Kontemporeri (ACIS) UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTMCPP). Program ini dijalankan melalui

platform Google Meet dan disertai oleh seramai 26 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah FKK dan ACIS UiTMCPP.

Taklimat perpustakaan ini dibahagikan kepada 3 komponen utama iaitu Unit Perkhidmatan Pelanggan, yang disampaikan oleh Cik Nor Azilawati Mohd Azmi, Unit Pembangunan dan Perancangan Bahan, disampaikan oleh Puan Farleen Azrina Zamberi dan Encik Nurulizwan Amir pula telah menyampaikan taklimat tentang Perpustakaan Digital. Harapan PTAR

semoga dengan adanya program sebegini, pensyarah akan memperolehi maklumat yang jelas tentang perkhidmatan dan kemudahan yang terdapat di perpustakaan seterusnya membantu mereka dalam sesi pengajaran dan pembelajaran masing-masing.

LAWATAN DARI PELAJAR-PELAJAR BARU UiTM CAWANGAN KEDAH 1 OKTOBER 2020

اقرأ

Disediakan oleh : Noor Azlin Abdullah

BERITA UTAMA



PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH
Cawangan Kedah

Beranggita Beranggita Beranggita Beranggita Perpustakaan UiTM



Pada 1 Oktober 2020, Perpustakaan Sultan Badlishah telah menerima lawatan dari pelajar-pelajar baru bersempena Minggu Destini Siswa (MDS) di Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah. Lawatan kali ini terdiri daripada 194 orang pelajar.

Disediakan oleh : Noor Azlin Abdullah

LIVEPERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH
Cawangan Kedah

Merangkumi

Merangkumi

Merangkumi

Merangkumi

Perpustakaan

The image shows a streaming interface for a digital library presentation. At the top left is a blue circular logo for Universiti Teknologi MARA (UiTM) with text in Malay. At the top right is a white 'X' icon and a blue 'f' icon for Facebook. The main title 'PERPUSTAKAAN DIGITAL PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH' is displayed in large black font over a white arrow graphic pointing right. Below the title is the text 'UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA'. On the right side, there is a portrait of a man identified as 'MOHD AMIRUDDIN MOHD NASIR PUSTAKAWAN KANAN'. Below his name are the logos for 'Perpustakaan Sultan Badlishah Cawangan Kedah' and 'UiTM di hatiku'. At the bottom left are three control icons: a left arrow, a right arrow, and a double-right arrow. The background features a collage of images including a modern building, a city skyline at night, and a purple circular inset showing another person.

Pada 5 Oktober 2020, taklimat ini dilaksanakan secara siaran langsung oleh Encik Mohd Amiruddin Mohd Nasir, Pustakawan Kanan, Perpustakaan Sultan Badlishah dan mendapat tontonan seramai 2300 orang. Merangkumi penerangan berkaitan perkhidmatan perpustakaan digital yang disediakan kepada pelajar melalui perkhidmatan secara atas talian.

Disediakan oleh : Noor Azlin Abdullah

 PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH
Cawangan Kedah

LIVE

 Library Perpustakaan

Sesi Perkongsian: Keperluan Maklumat Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Open Distance Learning (ODL) @ PSB UiTM Cawangan Kedah telah berlangsung dengan jayanya pada 7 Oktober 2020. Sesi ini diadakan dengan tujuan mengenalpasti keperluan maklumat pengguna perpustakaan dalam menyokong pengajaran dan pembelajaran secara ODL serta memastikan perpustakaan dalam keadaan siap siaga dari aspek penyampaian perkhidmatan maklumat dalam menyokong aktiviti ODL. Program ini telah dikendalikan oleh Pn. Azizah Khasim, Timbalan Ketua Pustakawan sebagai moderator, Dr. Kamarudin Othman, Timbalan Rektor HEA sebagai panel jemputan, Muhamad Afiq Firhan Mohd Amim, YDP Majlis Perwakilan Pelajar sebagai panel jemputan, dan berlangsung secara atas talian melalui platform Facebook dan YouTube. Aktiviti ini juga turut melibatkan staf PSB UiTM Cawangan Kedah dan mendapat tontonan seramai 1362 orang.

AUDIT DALAMAN QE / 5S

14 OKTOBER 2020

اقرأ

BERITA UTAMA

Disediakan oleh : Noor Azlin Abdullah

PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH
Cawangan Kedah

Iqraonline iqraonline iqraonline iqraonline



Pada 14 Oktober 2020, audit dalam telah dikendalikan oleh Puan Noor Azlin selaku Ketua Auditor dan dibantu oleh Puan Rozaini dan Encik Zakaria. Audit meliputi setiap kawasan zon. Audit ini bertujuan untuk persediaan Audit MPC pada 18 November 2020.

KURSUS PERPUSTAKAAN DIGITAL PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH 15 OKTOBER 2020



Pada 15 Oktober 2020, kursus mengenai Perpustakaan Digital Perpustakaan Sultan Badlishah bersama staf PSB yang disampaikan oleh Pustakawan Kanan Encik Mohd Amiruddin Mohd Nasir. Kehadiran adalah seramai 21 orang.

LAWATAN RASMI TUAN REKTOR UITM CAWANGAN KEDAH KE PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH

15 OKTOBER 2020

إقرأ

BERITA UTAMA

Disediakan oleh : Noor Azlin Abdullah



PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH
Cawangan Kedah

library

library

library

library

library



Pada 15 Oktober 2020, lawatan rasmi Prof. Dr. Mohamad Abdullah Hemdi, Rektor UiTM Cawangan Kedah ke Perpustakaan Sultan Badlishah. Rektor melawat semua unit di perpustakaan serta beramah mesra dengan kakitangan Perpustakaan Sultan Badlishah.

Disediakan oleh : Noor Azlin Abdullah

 PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH
Cawangan Kedah

LIVE

 Library
 Library
 Library
 Library

Sembang Santai: Jangan Bajet Tak Pernah Silap @ PSB UITM Cawangan Kedah telah berlangsung dengan jayanya pada 22 Oktober 2020. Sesi ini diadakan dengan tujuan menerapkan nilai Synergy melalui konsep "Jangan Bajet Tak Pernah Silap". Disamping itu, ia juga meletakkan Perpustakaan dan UiTM sebagai satu organisasi yang dapat menyediakan input serta perkongsian ilmiah dalam pelbagai bidang. Program ini telah dikendalikan oleh En. Azlan Abdul Rahman, Pensyarah Kanan UiTM Kedah sebagai moderator, Ust. Abdul Hadi (Hadi Fayad), penulis novel / penceramah bebas sebagai panel jemputan, Pn. Norazliza Amil, Pegawai Psikologi Kanan UITM Kedah sebagai panel jemputan, dan berlangsung secara atas talian melalui platform Facebook. Aktiviti ini juga turut melibatkan staf PSB UITM Cawangan Kedah dan mendapat tontonan seramai 883 orang.

LAWATAN PENANDAARASAN PENGURUSAN PERPUSTAKAAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (SMK) JENGKA 10 KE PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI,UITM CAWANGAN PAHANG 01 OKTOBER 2020

اقرأ

BERITA

Disediakan oleh : Roshairi Che Razali

PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI

Cawangan PAHANG


Tempat : Kolej Tok Gajah & Kolej Mat Kilau 1, UiTM Cawangan Pahang

Pada 01 Oktober 2020 (Khamis) Perpustakaan Al-Bukhari (PAB), UiTM Cawangan Pahang telah menerima lawatan daripada guru Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jengka 10. Lawatan ini adalah bersempena Lawatan Penandaarasan Pengurusan Perpustakaan yang mana ini adalah berdasarkan Program Perantis 2 Ambilan 1/2020 bagi Program Kelayakan Profesional Pemimpinan Pendidikan Kebangsaan (NPQRL).

Lawatan ini telah diberikan taklimat oleh Puan Nurfarawahidah Bt. Badruesham, Pustakawan Kanan dan dibantu oleh Encik Ahmad Fadhil bin Mohamad Yusof, Pembantu Pustakawan Kanan. Seramai 5 orang guru yang telah mewakili lawatan penandaraasan ini. Antara aktiviti sepanjang program ini adalah taklimat dan lawatan sekitar perpustakaan.

Lawatan ini juga bertujuan bagi berkongsi proses kerja dari segi perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan kepada pengguna perpustakaan.





Pada 02 Oktober 2020 (Jumaat) Perpustakaan Al-Bukhari telah mengadakan Program "Virtual Library Tour" kepada Pelajar Pra Pengajian Tinggi (Pra KPT) bagi sesi Jun 2020 secara maya.

Program diadakan bersama pelajar siswa di Perpustakaan Al-Bukhari dengan pematuhan SOP serta penjarakan sosial yang telah ditetapkan dan pelajar siswi secara di atas talian menggunakan Cisco Webex. Taklimat program ini disampaikan oleh Puan Nurfarawahidah bt. Badruesham, Pustakawan Kanan.



PROSES PEMINDAHAN FAIL/REKOD PEJABAT PENTADBIRAN AM BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR (HEP) KE UNIT ARKIB UNIVERSITI (UAU), UITM CAWANGAN PAHANG

اقرأ

Disediakan oleh : Roshairi Che Razali

02 OKTOBER 2020

BERITA



PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
Cawangan PAHANG



Pada 02 Oktober 2020 (Jumaat), proses penilaian dan pemindahan fail & rekod am Pejabat Pentadbiran Am Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) ke Unit Arkib Universiti telah dijalankan oleh Unit Arkib Universiti (UAU) Perpustakaan Al-Bukhari (PAB), UiTM Cawangan Pahang. Proses ini adalah bertujuan untuk mengumpul dan mengasingkan fail-fail yang tidak lagi aktif dan layak dilupuskan mengikut Jadual Pelupusan Rekod (JPR) Arkib Negara Malaysia (ANM).

Fail-fail yang tidak lagi aktif ini akan direkodkan dan dikumpulkan bagi memudahkan proses pelupusan supaya setiap fail yang telah tamat tempoh aktif dapat disimpan dan dilupuskan dengan cara yang betul mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia (ANM).

Proses penilaian ini dijalankan oleh staf Unit Arkib Universiti, (UAU) Perpustakaan Al-Bukhari (PAB) iaitu Puan Suhaina binti Ibrahim, Pembantu Pustakawan serta seorang pegawai tanggungjawab (PTJ) di Pejabat Pentadbiran Am, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) iaitu Puan Suhartini binti Zakaria, Pembantu Tadbir Pejabat Pentadbiran Am Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) tersebut.


PROGRAM LIBRARY OUTREACH BERSAMA FAKULTI UITM CAWANGAN PAHANG

01 - 05 OKTOBER 2020

Pada 01 - 05 Oktober 2020 Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang telah mengadakan satu Program 'Library Outreach' bersama Fakulti UiTM Cawangan Pahang. Di mana sepanjang program ini melibatkan semua fakulti yang terdapat di UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka dan Kampus Raub.

Program ini dijalankan secara atas talian menggunakan medium aplikasi Google Meet dan taklimat disampaikan oleh Pustakawan Kanan Perpustakaan Al-Bukhari dan pegawai jemputan daripada PTAR Shah Alam Haji Ahmad Faizar, Pustakawan Kanan.

Program ini adalah bertujuan menyampaikan maklumat dan perkhidmatan yang disediakan kepada warga UiTM Cawangan Pahang supaya pensyarah dan pelajar didekah dengan lebih mendalam terhadap perkhidmatan terkini yang boleh digunakan oleh mereka. Seramai 69 peserta telah terlibat dalam 'Library Outreach' di sepanjang program ini berlangsung.



PENILAIAN SEMULA FAIL/REKOD UNIT HAL EHWAL ISLAM (UHEI), UITM CAWANGAN PAHANG

اقرأ
BERITA

Disediakan oleh : Roshairi Che Razali

07 OKTOBER 2020

PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
Cawangan PAHANG
Tempat : Unit Kepimpinan Pelajar (HEP), UiTM Cawangan Pahang



Pada 07 Oktober 2020 (Rabu), Unit Arkib Universiti (UAU) Perpustakaan Al-Bukhari UITM Cawangan Pahang telah menjalankan proses penilaian semula fail/rekod di Unit Hal Ehwal Islam (UHEI). Proses ini adalah bertujuan untuk menyemak semula senarai fail yang telah dikumpul untuk proses pelupusan supaya tidak melupuskan fail/rekod penting mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia (ANM).

Proses penilaian ini dijalankan oleh 2 orang pegawai dari Unit Arkib Universiti (UAU) Perpustakaan Al-Bukhari (PAB) iaitu Encik Razali bin Mat Sabu, Pembantu Pustakawan Kanan dan Puan Suhaina binti Ibrahim, Pembantu Pustakawan serta seorang pegawai tanggungjawab (PTJ) di Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) iaitu Puan Sharifah Radziah binti Ismail, Pembantu Tadbir bagi sama-sama membantu memudahkan proses yang dibuat.



PENILAIAN SEMULA FAIL/REKOD DI UNIT KESIHATAN, BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR (HEP), UITM CAWANGAN PAHANG

13 - 14 OKTOBER 2020

Pada 13-14 Oktober 2020, Unit Arkib Universiti, Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang telah menjalankan Konsultansi Proses Penilaian Semula Fail/Rekod di Unit Kesihatan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP). Proses ini adalah bertujuan untuk menyemak semula senarai fail yang telah dikumpul untuk proses pelupusan supaya tidak melupuskan fail/rekod penting mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia (ANM).

Proses penilaian ini dijalankan oleh 2 orang pegawai dari Unit Arkib Universiti (UAU) Perpustakaan Al-Bukhari (PAB) iaitu Encik Razali bin Mat Sabu, Pembantu Pustakawan Kanan dan Puan Suhaina binti Ibrahim, Pembantu Pustakawan.



BOOKS BEST SELLERS @ PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI

19 OKTOBER 2020

اقرأ

BERITA


Disediakan oleh : Roshairi Che Razali



PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
Cawangan PAHANG

Pada 19 Oktober 2020 (Isnin) Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang telah mempromosikan buku-buku yang menjadi pilihan dan pencarian oleh pembaca di perpustakaan. Promosi telah dijalankan dengan menggunakan medium media sosial seperti Facebook, Twitter, WhatsApp, Instagram serta emel pengguna Perpustakaan Al-Bukhari terutama warga UiTM Cawangan Pahang.

Terdapat 2 siri koleksi terbaru buku "best seller" telah dikeluarkan iaitu siri 5 dan siri 6 iaitu berjumlah 19 buah naskah. Koleksi-koleksi ini boleh dipinjam oleh semua staf UiTM Cawangan Pahang.



"NEW ARRIVALS@PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI"

19 & 28 OKTOBER 2020

اقرأ

BERITA

Disediakan oleh : Roshairi Che Razali

PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI

Cawangan PAHANG

Tempat : Kolej Tok Gajah & Kolej Mat Kilau 1, UiTM Cawangan Pahang



Pada 19 dan 28 Oktober 2020, Perpustakaan Al-Bukhari telah mengeluarkan 2 promosi bahan bacaan baru atau "NEW ARRIVAL@PAB" iaitu bagi Siri 5/2020 dan Siri 6/2020 dengan 24 naskah buku baru telah dikeluarkan untuk dipamerkan di ruang pameran Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang.

Ada antaranya koleksi-koleksi ini adalah penulisan dari penulis-penulis yang dikenali dan menjadi "Best Seller" serta sering mendapat perhatian pembaca. Koleksi-koleksi ini telah sedia untuk di pinjam oleh semua warga UiTM Cawangan Pahang. Sila layari link: <http://bit.ly/BooksToDoorServices> untuk perkhidmatan Books To Door Services yang disediakan oleh Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang.



PENYERAHAN BUKU "63 TUMBUHAN UBATAN" 21 OKTOBER 2020

BERITA

Disediakan oleh : Roshairi Che Razali



PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
Cawangan PAHANG
Tempat : Universiti Putra Malaysia (UPM)

Pada 21 Oktober 2020 (Rabu) Penyerahan Buku "63 Tumbuhan Ubatan" kepada Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang oleh sebahagian penulis buku tersebut iaitu Dr. Neni Kartini Che Mohd Ramli, Prof. Madya Dr. Wan Mohd Nazri Wan Abd. Rahman dan Dr. Aiza Harun.

63 tumbuhan disenaraikan sempena 63 tahun kemerdekaan negara Malaysia. Buku ini memaparkan tentang kepelbagaiannya spesies dan nilai kegunaan perubatan yang terdapat di Taman Nadir dan Herba Paya Bungor, Kuantan, Pahang. Sumbangan yang diberikan ini bagi memastikan maklumat harta intelek dapat terus dibaca oleh warganya.



PROSES PEMUSNAHAN FAIL/ REKOD AWAM UNIT PENTADBIRAN AM BA- HAGIAN HAL EHWAJ PELAJAR (HEP), UITM CAWANGAN PAHANG 19 OKTOBER 2020

Pada 19 Oktober 2020 (Isnin) Unit Arkib Universiti, Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang telah memantau proses pemusnahan fail/rekod awam dengan kaedah merincih di pejabat Unit Harta Benda (Pejabat Bendahari) oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) Unit Pentadbiran Am, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), UiTM Cawangan Pahang.

Proses ini telah dilaksanakan oleh staf Unit Pentadbiran Am, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) iaitu Puan Suhartini binti Zakaria, Pembantu Tadbir. Staf pemantau Unit Arkib Universiti (UAU) yang terlibat ialah Encik Razali bin Mat Sabu, Pembantu Pustakawan Kanan dan Puan Suhaina binti Ibrahim, Pembantu Pustakawan. Jumlah fail yang dirincih sebanyak 99 kotak iaitu 540 fail yang telah tamat tempoh simpanan.



BACAAN YASIN MINGGUAN PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI & PERKENALAN DENGAN PELAJAR PRAKTIKAL

23 OKTOBER 2020

اقرأ

BERITA

Disediakan oleh : Roshairi Che Razali



PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
Cawangan PAHANG

Pada 23 Oktober 2020 (Jumaat), sesi bacaan Yasin secara mingguan telah diadakan oleh Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang di ruang bacaan perpustakaan. Encik Zainudin bin Ghani telah mengetuai sesi bacaan yasin ini.

Selain bacaan Yasin, sesi perkenalan dengan pelajar praktikal iaitu Cik Afifah yang menjalankan latihan industri di Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang. Seramai 22 staf perpustakaan telah menyertai bacaan yasin dan suai kenal ini.



BENGKEL PERMURNIAN MICROSOFT 365 @ PAB


23 OKTOBER 2020



Pada 23 Oktober 2020 (Jumaat) Perpustakaan Al-Bukhari telah mengadakan Bengkel Permurnian Microsoft 365 bersama semua warga Perpustakaan Al-Bukhari (PAB) Kampus Jengka dan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Raub secara atas talian Cisco Webex.

Objektif bengkel ini adalah untuk pemakluman berkaitan pengumpulan data penting secara cloud dengan menyeluruh bagi Perpustakaan UiTM Cawangan Pahang. Antara data yang difokuskan seperti pengumpulan data statistik EISv2 yang telah ditambah baik serta dokumen penting lain yang boleh diakses mengikut bahagian yang ada dalam Perpustakaan.

Bengkel ini disampaikan oleh Puan Norfitriah Bt Mat Seman, Pustakawan Kanan @Perpustakaan Al-Bukhari dan disertai oleh 28 orang staf Perpustakaan UiTM Cawangan Pahang.



KONSULTASI PENILAIAN PENGURUSAN REKOD PEJABAT KOLEJ KEDIAMAN TOK GAJAH 26 OKTOBER 2020

اقرأ

BERITA

Disediakan oleh : Roshairi Che Razali



PERPUSTAKAAN AL-BUKHARI
Cawangan PAHANG

Pada 26 Oktober 2020 (Isnin) Unit Arkib Universiti, Perpustakaan Al-Bukhari, UiTM Cawangan Pahang telah menjalankan Konsultasi Pelupusan Rekod Homogenous di Pejabat Kolej Kediaman Tok Gajah, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), UiTM Cawangan Pahang.

Rekod tersebut merupakan Borang Rekod Homogenous bagi tahun 2015 hingga 2018. Jumlah keseluruhan pelupusan dokumen berjumlah 62800 helaian.



Konsultasi telah dijalankan oleh staf Unit Arkib Universiti iaitu Puan Suhaina binti Ibrahim, Pembantu Pustakawan dan Encik Razali bin Mat Sabu, Pembantu Pustakawan Kanan bersama staf Pejabat Kolej Tok Gajah iaitu Puan Wan Norizam binti Awang@Nawi, Penyelia Asrama Kanan.

PROSES PELUPUSAN REKOD AWAM UNIT HAL EHWAL ISLAM (UHEI), UITM CAWANGAN PAHANG 27 OKTOBER 2020

Pada 27 Oktober 2020 (Selasa) Unit Arkib Universiti, Perpustakaan Al-Bukhari UiTM Cawangan Pahang telah memantau proses pemusnahan rekod awam dengan kaedah merincih di pejabat Unit Pengurusan Harta Benda (Pejabat Bendahari) oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) iaitu Unit Hal Ehwal Islam (UHEI), Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), UiTM Cawangan Pahang.

Proses ini telah dilaksanakan oleh staf Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) iaitu Puan Sharifah Radziah binti Ismail, Pembantu Tadbir dan Encik Mohd Hambali bin Darussalam, Pembantu Hal Ehwal Islam manakala staf unit arkib yang terlibat ialah Puan Suhaina binti Ibrahim, Pembantu Pustakawan dan Encik Razali bin Mat Sabu, Pembantu Pustakawan Kanan .

Jumlah fail yang dirincih sebanyak 43 fail yang telah dilulusan oleh pihak Arkib Negara Malaysia (ANM).



LIBRARY OUTREACH@HEP
SEMPENA BULAN KAUNSILING KEBANGSAAN
20 - 21 OKTOBER 2020

Disediakan oleh : Mohd Shahnimaz Mat Zain



BERITA



Library Outreach @ Unit Hal Ehwal Pelajar telah diadakan selama 3 hari di Ruang Legar Pejabat HEP. Program kali ini didatangkan dengan Pameran Book2U yang menyajikan bahan-bahan bacaan berbentuk motivasi. Tema pameran ini dicetuskan sempena Bulan Kaunseling Kebangsaan. Selain mendekatkan staf pentadbiran dengan perpustakaan, program ini bertujuan sebagai galakan membaca dan platform memperkenalkan perkhidmatan perpustakaan kepada mereka. Program ini juga turut diselitkan dengan peraduan teka silangkata dan lucky spin. Seramai 29 orang pengunjung direkodkan mengunjungi Library Outreach selama program berlangsung.

eEXHIBITION@PCUiTMCTKBB VOL. 1/2020
PAMERAN MAYA: JAMBATAN ANGKAT TERENGGANU
(TERENGGANU DRAWBRIDGE)

Pameran Maya
**JAMBATAN ANGKAT
TERENGGANU
(TERENGGANU
DRAWBRIDGE)**

eExhibition@Library Vol.1 2020
Perpustakaan Cendekianan UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi

Pameran Maya ini memperlihatkan Jambatan Angkat Terengganu atau dikenali sebagai Terengganu Drawbridge yang menjadi simbol ikonik Negeri Terengganu. Mengandungi 13 helaian, pameran ini memberikan gambaran kepada pengunjung maya apakah keistimewaan yang terdapat pada jambatan kebanggaan rakyat Negeri Terengganu selain dijadikan laluan penghubung antara Pusat Bandar Kuala Terengganu dan Seberang Takir. Jambatan yang diilhamkan daripada rekabentuk Tower Bridge di London ini menggunakan teknologi hidraulik terkini di dunia yang dibangunkan oleh anak jati tempatan Terengganu.

Disediakan oleh : Asmahani Abdullah



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Terengganu



MINGGU DESTINI SISWA: TAKLIMAT PERPUSTAKAAN UiTMCT

Anjuran: Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTMCT

Tarikh: 1 Oktober 2020, Khamis.

Penceramah: Cik Asmahani Abdullah, Pustakawan Kanan

Penglibatan: 2, 282 orang peserta

Platform: Atas Talian



TAKLIMAT PERPUSTAKAAN DIGITAL BERSAMA PELAJAR UiTMCT

Anjuran: Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun

Tarikh: 17 Oktober 2020, Sabtu

Penceramah: Cik Asmahani Abdullah, Pustakawan Kanan

Penglibatan: 276 orang peserta

Platform: Atas Talian



TAKLIMAT PENCARIAN MAKLUMAT MENGGUNAKAN EZACCESS BERSAMA PENSYARAH UiTMCT

Anjuran: Unit Penulisan & Penerbitan UiTMCT


Tarikh: 26 Oktober 2020, Isnin

Penceramah: Cik Asmahani Abdullah, Pustakawan Kanan

Penglibatan: 50 orang peserta

Platform: Atas Talian

PROMOSI TELEGRAM CHANNEL PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN UiTM CAWANGAN TERENGGANU



Di samping mempromosikan sosial media, Perpustakaan Cendekiawan kini julung kalinya memperkenalkan satu lagi platform tambahan saluran maklumat perpustakaan iaitu Telegram Channel Perpustakaan UiTM Cawangan Terengganu. Inisiatif menambahkan platform promosi ini selaras dengan perkembangan teknologi dan trend terkini capaian maklumat, selain platform yang sedia ada. Ini dirasakan penting bagi membolehkan maklumat mengenai kemudahan, perkhidmatan dan koleksi perpustakaan diterima oleh pengguna dengan cepat dan tepat. Semua dijemput untuk mengikuti kami di Telegram Channel pada link: https://t.me/puitm_tgdn.

LIBRARY OUTREACH: LAWATAN & KHIDMAT RUNDING PELUPUSAN REKOD JABATAN UiTMCT

اقرأ

BERITA

Disediakan oleh : Asmahani Abdullah

 PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Terengganu

LIBRARY OUTREACH

Lawatan & Khidmat Runding
PELUPUSAN REKOD JABATAN UiTM CAWANGAN TERENGGANU

OKT 18 | 10.30 PAJGI
BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK

OKT 21 | 10.30 PAJGI
BAHAGIAN PENTADBIRAN

SEBAGAI TONGSAH BOLIH HUBUNG
UNIT ARKIB CAWANGAN TERENGGANU
PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
UITM MD KAMIL IBRAHIM (EXT:1886) /
PUAN KAMARIAH AHMAD (EXT:1986)

UiTM



Unit Arkib Universiti (UAC) UiTM Cawangan Terengganu telah mengadakan lawatan dan khidmat runding ke dua bahagian pada bulan ini. Objektif utama lawatan ini adalah untuk memberi penerangan kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian tersebut mengenai kaedah pelupusan rekod jabatan mengikut prosedur yang betul. Lawatan ini disertai oleh En. Md Kamil Ibrahim, Pegawai Rekod Jabatan UAC, dan Puan Kamariah Ahmad, Pembantu Tadbir Rekod Jabatan UAC, serta Cik Asmahani Abdullah, mantan Pegawai Rekod Jabatan UAC sebagai pemerhati. Diharapkan dengan lawatan ini dapat memberi kesedaran kepada warga kampus agar dapat menguruskan pelupusan rekod dengan baik pada masa akan datang.

SESI RESENSI BUKU PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN UiTMCTKD BIL. 2/2020

 Cawangan Terengganu

Sesi RESENSI BUKU PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
UITM CAWANGAN TERENGGANU
BIL. 2 / 2020

LIBRARY FOR ALL

Cik Asmahani Abdullah
Pembantu Pengetahuan

Puan Ayuzawiah Aman
Penolong Pengetahuan

En. Abdul Hadi Idris
Penolong Pengetahuan

Puan Kamariah Ahmad
Penolong Pengetahuan

En. W. M. Harith W. M. Sofiah
Penolong Pengetahuan

En. Salar Wahab
Penolong Pengetahuan

En. Muhammad Ammar Alali
Penolong Pengetahuan

QR CODE
BUKAN KOD QR UNTUK
MEMERLUKU VIDEO PERNUH.

Program ini dianjurkan oleh Perpustakaan Cendekian UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun, bertujuan untuk pembudayaan ilmu sahaja. Sebarang komen dan pendapat perihal pembaca dan bukanlah pendirian universiti. Sila imbas kod QR pada poster untuk menonton.

Sambungan daripada Siri 1/2020 yang diterbitkan Ogos lalu, Perpustakaan Cendekian Kampus Dungun kembali menerbitkan video rakaman resensi buku pilihan pada bulan ini. Video ini telah memuatkan resensi daripada tujuh orang staf perpustakaan merangkumi pelbagai genre buku. Program yang berdurasi selama 52 minit 42 saat, bertujuan untuk pembudayaan ilmu sahaja. Sebarang komen dan pendapat perihal pembaca dan bukanlah pendirian universiti. Sila imbas kod QR pada poster untuk menonton.

Disediakan oleh : Asmahani Abdullah



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Terengganu

eInfoDiscovery@Library Vol.6 2020
Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun, UiTM Cawangan Terengganu.

MAKANAN WARISAN NEGERI

Malaysia Truly Asia

Info ini diambil dari:

QR Code:

eInfo Discovery@Library Vol. 6/2020 terbitan Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun kali ini membawakan topik Makanan Warisan Negeri. Penerbitan pameran maya ini membawakan kepada anda info ringkas bergambar mengenai makanan warisan negeri di Malaysia yang unik, lazat dan menyelerakan. Maklumat lanjut sila imbas kod QR pada poster. Semoga bermanfaat.

eEXHIBITION@LIBRARY VOL. 1/2020: PENGURUSAN BUANGAN ELEKTRIK & ELEKTRONIK (E-WASTE)

Pameran Maya

PENGURUSAN BUANGAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK

Perpustakaan Cendekiawan Kampus Kuala Terengganu

Universiti Teknologi MARA

Universiti Teknologi MARA
Perpustakaan Cendekiawan
Kampus Kuala Terengganu

UiTM@home

E-WASTE

eExhibition@Library Vol. 1/2020 PUPTM
Cawangan Terengganu Kampus Kuala Terengganu

Info ini diambil dari:

QR Code:

Perpustakaan Cendekiawan Kampus Kuala Terengganu telah menerbitkan eExhibition@Library Vol. 1/2020 bertajuk Pengurusan Buangan Elektrikal dan Elektronik. Pameran maya ini memberi penerangan berkenaan kaedah pengurusan buangan peralatan elektrikal dan elektronik atau e-waste di sekililing kita dengan cara yang betul bagi menjaga alam sekitar. Sila imbas kod QR pada poster untuk maklumat lanjut. Semoga bermanfaat.

Disediakan oleh : Asmahani Abdullah

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Terengganu



Pelaksanaan Library Street Programme Siri 2/2020 kali ini diteruskan lagi pada 20 Oktober 2020 (Selasa) di Bangunan Karisma yang menempatkan Pejabat Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun. Diketuai oleh En. Wan Mohd Harith Wan Mohd Solah, Pembantu Pustakawan. Aktiviti di tapak program dipelbagaikan dengan mengadakan aktiviti seperti pinjaman pemulangan buku, Jigsaw Puzzle, Teka Silang Kata, Kuiz Jawi dan aktiviti promosi installation serta penerangan UiTM Digital Library Mobile App. Jamuan ringan juga disediakan bagi pengunjung yang datang. Aktiviti berakhir pada pukul 4.00 petang dengan sesi penyampaian hadiah kepada pengunjung bertuah oleh En. Shahrol Nizam bin Johol, Timbalan Ketua Pustakawan.

GOTONG-ROYONG PENGUBAHSUAIAN RUANG BACAAN MAJALAH PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN KAMPUS DUNGUN



Satu ruang bacaan santai di Aras 2 Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun diwujudkan bagi menempatkan majalah dan jurnal. Gotong-royong pengubahsuaihan ruang ini telah dilaksanakan pada 7 dan 8 Oktober atas cetusan idea pasukan Unit Jurnal dan Pangkalan Data diketuai oleh En. Nik Lokman Nik Ismail, Pustakawan Kanan. Aktiviti ini melibatkan semua staf Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun.


PENERBITAN BAHRU PERPUSTAKAAN UiTMCTK: BERMULA OKTOBER 2020

BERITA

Disediakan oleh : Asmahani Abdullah



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Terengganu



DIALEK TERENGGANU@PUITMCT

Kekerapan: Setiap Isnin

Platform: Media Sosial PUITMCT

Tujuan: Memperkenalkan perkataan dialek Terengganu kepada pengguna.

Title: Cupcake celebration : bake me I'm yours...
Author: Cindy Smith
Year of Publication: 2010
Call No.: TX771 .S69 2010
ISBN: 9780713337707
Location: Perpustakaan Cendekian Kampus Kuala Terengganu

About:
 Over 100 delicious ways to bake, frost, decorate, flavor, and indulge in cupcakes. Treat yourself to a slice of cupcake heaven with more than 100 easy-to-make, from-scratch and scratch-free fun and festive treats. From classic to traditional party cakes, from a variety of frosting to toppings to garnishes, this RSA cake with big ideas. Anniversary, Birthdays, Valentine's Day, Engagements, The RSA cake with big ideas. Anniversary, Birthdays, Valentine's Day, Engagements, Christmas, New Year, Holi, Hari Raya, Festivals, Parties, and more!

Perpustakaan Cendekian UiTM Cawangan Terengganu
<http://terengganu.utm.edu.my>

LIBRARIAN'S PICK-A-BOOK

Kekerapan: Setiap Rabu

Platform: Media Sosial PUITMCT

Tujuan: Memaparkan buku pilihan Pustakawan daripada koleksi perpustakaan UiTMCT.

KENAIKAN PANGKAT STAF PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN KAMPUS DUNGUN



@Universiti Teknologi MARA-Terengganu

@UiTMCTgjora

<http://terengganu.utm.edu.my>



SEGMENT WACANA ILMU: “BAGAIMANA UNTUK TIDAK BERJAYA DALAM PHD”

21 OKTOBER 2020

اقرأ

Disediakan oleh : Muslim bin Ismail



PERPUSTAKAAN TENGKU ANIS
Cabang Kelantan

LIVE

Ibragita Ibragita uleiberg Perpustakaan UTM

Jom saksikan Live @ PTA! BAGAIMANA UNTUK TIDAK BERJAYA DALA... Recorded live 10 min ago

LIVE@PTA

Segmen: Wacana Ilmu

BAGAIMANA UNTUK TIDAK BERJAYA DALAM PHD?

21 OKTOBER | RABU | 9:00 PAGI "LibraryForAll"

HOS
Puan Rosnaryati Ab Rahman
Perpustakaan Kanan

HOS JEMPUTAN
En Muslim Ismail@Ahmed
Perpustakaan Kanan

MODERATOR
Dr Che Syaharuddin Che Ceb
Penyayang Kanan

PANEL
Prof Hadya Dr Nik Kamaruzaman Haji Abdulkalif
Ketua Pusat Pengajian (Fakulti Perakaunan)

PANEL
Prof Dr Faridah Haji Hassan
INQKA External Reviewer

-1:15:20

Like Comment Share You, Aida Mustapha, Jeng Mus and 24 others - 7 comments


◀ ▶ ⏸ ⏹

Pada 21 Oktober telah berlangsung wacana perkongsian ilmu bertajuk 'Bagaimana Untuk Tidak Berjaya Dalam Phd?'. Bual bicara ini dikendalikan oleh Dr Che Mohd Syaharuddin selaku moderator dengan dua orang panel iaitu Prof. Madya Dr. Nik Kamaruzaman Haji Abdulkalif, Ketua Pusat Pengajian (Fakulti Perakaunan) dan Prof. Dr. Faridah Haji Hassan, INQKA External Reviewer.

Wacana ini telah disertai oleh 24 viewer dan mendapat sebanyak 150 views.

Rakaman wacana ini boleh dilihat di pautan,
<https://www.facebook.com/177550368963091/videos/2722753884640872>

Disediakan oleh : Hapsah Suri

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Sarawak

PTAR Cawangan Sarawak telah memberi sokongan kepada Kempen World Sight Day, It's OK to #BESHADY. World Sight Day adalah hari kesedaran tahunan yang diadakan pada hari Khamis minggu kedua Oktober untuk menarik perhatian global pada kebutaan dan gangguan penglihatan. Pada tahun ini, World Sight Day telah berlangsung pada 8 Oktober 2020 dengan tema Hope In Sight.

Like and follow us:

FB : library.uitm.sarawak

IG : ptar_sarawak

Twitter : Lib.UITM Sarawak

YouTube Channel : ptartvsarawak

SEKITAR MAJLIS PERSARAAN ENCIK ADENAN HAJI SULONG 23 OKTOBER 2020



Pada 23 Oktober 2020 (Jumaat), jam 2.30 petang hingga 5.00 petang di Ruai Pengawa, Kolej Mulu (Kampus Samarahan) telah diadakan Majlis Persaraan Encik Adenan Haji Sulong, Pembantu Pustakawan Kanan, Unit Perkhidmatan Maklumat yang telah bersara pada 20 Mei 2020. Majlis ini adalah sebagai tanda penghargaan dan terima kasih di atas khidmat bakti sepanjang bertugas di Perpustakaan Tun Abdul Razak Cawangan Sarawak. Semoga silaturrahim kekal abadi. SELAMAT BERSARA!

13 OGOS 2020

BERITA

Disediakan oleh : Hapsah Sait

 PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Sarawak



**BOOK
REVIEW**

Puan Norhayati Binti Ismail
Timbalan Ketua Pustakawan

Like and follow us:
 FB : library.uitm.sarawak
 IG : ptar_sarawak
 Twitter : LibUITM_Sarawak
 Youtube Channel : ptartsarawak

SYNOPSIS

This book is mostly for content producers evolving game development landscape. Being a third edition, it is fully revised and updated in text covers preproduction, production, testing and code-release subjects matter. Specific topics included are voiceovers, mo-cap shoots, marketing, localizations, managing external contractors, writing documentation and many more project practices.


New things included are sections on mobile gaming and project management, many more on useful production tools. Interviews with industrial players and professionals are also in this, which gave true successful experience in game developing processes and some highly relevant contextualization based on real-world example. Readers may also find detailed case study of fictitious game project, production cycles and some key production concepts. This book is good for any beginners and plenty good feed for experienced developers.

Happy reading

#Bacalah@UITM

DESCRIPTIVE DETAILS

Title : The Game Production Handbook
Author : Heather Maxwell Chandler
Publisher : Jones & Bartlett Learning
Pages : 462
ISBN: 9781449688097



Perpustakaan Tun Abdul Razak
(PTAR) UITM Cawangan Sarawak


Kampus Samarahan (082-677250)
 Kampus Samarahan 2 (082-678149)
 Kampus Mukah (084-876175)

ptarswkt/20-105

Disediakan oleh : Hapsah Suri



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Sarawak





FB LIVE@PTAR SARAWAK: PROGRAM MINGGU SISWA (MDS)

2 OKTOBER 2020

اقرأ

Disediakan oleh : Hapsah Suut



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
Cawangan Sarawak

LIVE



Program Minggu Siswa (MDS) telah berlangsung pada 28 September hingga 4 Oktober 2020 yang lalu. Sepanjang minggu ini, para pelajar telah diberi pendedahan mengenai pengenalan universiti dan juga Taklimat Ringkas Perpustakaan (PTAR) UiTM Cawangan Sarawak, yang disampaikan secara talian oleh Puan Norhayati Binti Ismail, Timbalan Ketua Pustakawan pada 2 Oktober 2020, jam 9.30 pagi. Program ini dikendalikan oleh Cik Dayang Azimah Binti Abang Yusuf, Pustakawan UiTM Cawangan Sarawak selaku moderator. Terima kasih kerana telah memberi kerjasama yang amat memberangsangkan dan maklum balas yang baik. Kepada mahasiswa baharu, kami PTAR Cawangan Sarawak ingin mengucapkan selamat datang dan selamat maju jaya dalam menuntut ilmu secara Open Distance Learning dengan penuh semangat dan kesungguhan. Teruskan memberi sokongan kepada semua aktiviti yang akan dianjurkan kelak.

Like and follow us:

FB : library.uitm.sarawak
Twitter : Lib.UITM Sarawak

IG : ptar_sarawak
YouTube Channel : ptartvsarawak

اقرأ



FB LIVE@PTAR SARAWAK: “SENI PENULISAN KHAT”

LIVE

Pada 26 Oktober 2020, jam 2.30 petang telah berlangsungnya LIVE FB PTAR Sarawak “Seni Penulisan Khat” bersempena sambutan Maulidur Rasul yang dianjurkan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Sarawak. Program kali ini dijalankan secara talian berikutan penularan Pandemik COVID-19 yang melanda negara. Sesi perkongsian yang bersesuaian dengan situasi semasa ini telah disampaikan oleh En. Shah Tumin, dan dikendalikan oleh En. Ismawi Ibrahim, Pembantu Pustakawan Kanan, UiTM Cawangan Sarawak selaku moderator.

Like and follow us:

FB : library.uitm.sarawak
IG : ptar_sarawak
Twitter : Lib.UITM Sarawak
YouTube Channel : ptartvsarawak

